



Jabatan Pengairan dan Saliran, Malaysia  
Kementerian Sumber Asli dan Alam Sekitar, Malaysia

Department of Irrigation and Drainage, Malaysia  
Ministry of Natural Resources and Environment, Malaysia



Laporan Tahunan

**2004**

Annual Report

<http://www.water.gov.my>

Diterbitkan oleh

**JABATAN PENGAIRAN DAN SALIRAN MALAYSIA**  
Jalan Sultan Salahuddin, 50626 Kuala Lumpur, Malaysia  
Tel : 603-26982011 Faks : 603-26914282/26911082  
Laman Web : <http://www.water.gov.my>

*Published by*

**DEPARTMENT OF IRRIGATION AND DRAINAGE**  
Jalan Sultan Salahuddin, 50626 Kuala Lumpur, Malaysia  
Tel: 603-26982011 Fax: 603- 26914282/26911082  
Website: <http://www.water.gov.my>

**ISSN 1823-6227**

© Hakcipta Jabatan Pengairan dan Saliran 2004  
© *All rights reserved for DID 2004*

Hakcipta terpelihara. Tidak dibenarkan mengeluarkan ulang mana-mana bahagian daripada kandungan laporan ini dalam apa jua bentuk dan dengan apa cara sekali pun, sama ada secara elektronik, fotokopi, mekanikal, rakaman atau cara lain sebelum mendapat izin bertulis daripada Ketua Pengarah, Jabatan Pengairan dan Saliran, Malaysia

*All rights reserved. No part of this publication may be reproduced, in any form or by any means, whether electronic, photocopy, mechanical, stored in a retrieval system or transmitted in any form, without the prior written permission of the  
Director General, Department of Irrigation and Drainage, Malaysia*



**VISI** | **VISION**

Menjadi Sebuah Organisasi  
Bertaraf Dunia  
Menjelang Tahun 2010

*To Be A World Class  
Organization  
By The Year 2010.*

**MISI** | **MISSION**

Untuk mengurus sumber air,  
lembangan sungai, risiko banjir  
dan zon pantai bagi mencapai  
kelestarian alam sekitar dan  
peningkatan kualiti hidup

*To manage water resources,  
river basins, flood risks and  
coastal zones to achieve  
environmental sustainability and  
enhanced quality of life*

**OBJEKTIF** | **OBJECTIVE**

Menyediakan khidmat  
kejuruteraan yang di luar  
keupayaan kumpulan sasaran itu  
dan seterusnya memastikan  
kegunaan tanah secara optimum  
serta pengurusan sumber air  
negara yang lebih cekap

*To provide engineering services  
that are beyond the capacity of  
the target group itself  
and subsequently to ensure  
optimum land utilization  
and more efficient management  
of the nation's water resources*



Kami akan memberi perkhidmatan professional yang berkualiti dalam perancangan, rekabentuk, pelaksanaan dan pengurusan semua program dan projek saliran dan tebatan banjir, kejuruteraan sungai, kejuruteraan pantai, hidrologi dan sumber air serta pengairan dan saliran pertanian,. Perkhidmatan kami adalah berasaskan prinsip-prinsip kejuruteraan yang kukuh dengan mengambil kira keperluan ekonomi dan sosial.

Dalam melaksanakan tugas dan fungsi berikut, kami berjanji akan:

#### **SALIRAN DAN TEBATAN BANJIR**

##### **Pelanggan Utama – Penduduk, Orang Awam**

- Memberi tindakbalas kepada Jabatan/Agensi dalam tempoh satu minggu
- Mengambil tindakan awal terhadap aduan penduduk yang dilanda banjir dalam masa 24 jam dan menghasilkan laporan awal siasatan berkaitan dalam tempoh dua minggu
- Memberi tindakbalas untuk membantu dan mempermudah urusan pelaksanaan perkhidmatan Juruperunding, Jurukur dan Pemborong dalam masa satu minggu

#### **KEJURUTERAAN SUNGAI**

##### **Pelanggan Utama – Penduduk, Pemilik harta, Petani**

- Memelihara sistem sungai supaya berada dalam keadaan hidraulik yang berkesan untuk mengurangkan kejadian banjir
- Untuk memberi maklumbalas dan ulasan teknikal ke atas perkara-perkara yang berkaitan dengan kejuruteraan sungai dalam tempoh 4 minggu
- Memberi respons kepada aduan-adua masalah sungai dalam tempoh 48 jam
- Melakukan pembaikan kecemasan bagi mengatasi masalah sungai dalam tempoh 48 jam

#### **KEJURUTERAAN PANTAI**

##### **Pelanggan Utama – Penduduk, Pemilik harta, Petani**

- Memastikan sistem kawalan hakisan pantai sentiasa berfungsi dengan berkesan
- Memberi nasihat dan ulasan teknikal dalam tempoh 4 minggu terhadap laporan-laporan EIA dan permohonan-permohonan pembangunan di kawasan pantai
- Mengambil tindakan pembaikan kecemasan dalam tempoh 48 jam ke atas struktur/kemudahan kawalan hakisan pantai yang rosak
- Memberi respons kepada aduan-aduan hakisan pantai dalam tempoh 48 jam

#### **HIKROLOGI DAN SUMBER AIR**

##### **Pelanggan Utama – Orang Awam, Juruperunding, Agensi-agensi Kerajaan, Penyelidik**

- Membekal data dan maklumat hidrologi yang berkualiti dalam tempoh 1 minggu.
- Memberi nasihat teknikal dan khidmat pakar runding dalam bidang hidrologi dan sumber air.
- Memberi khidmat ramalan aras air sungai pada musim banjir dan kemarau bagi sungai-sungai utama.
- Membekal data hujan dan aras air sungai semasa bagi lembangan sungai utama.

#### **PENGAIRAN DAN SALIRAN PERTANIAN**

##### **Pelanggan Utama – Kementerian Pertanian dan Industri Asas Tani**

Memberi khidmat pakar dan pengurusan sistem pengairan dan saliran pertanian kepada petani:

- Membekalkan air pengairan kepada penanam padi mengikut jadual tanaman
- Memberi notis awalan kepada petani sekurang-kurangnya dua minggu sebelum pindaan dibuat kepada tarikh permulaan jadual bekalan air pengairan jikalau berlaku kemarau atau sebab-sebab yang lain
- Memastikan saliran pertanian yang sempurna dan pengurusan aras air tanah yang stabil bagi aktiviti pertanian
- Memberi respons dalam masa 48 jam kepada petani terhadap rungutan mengenai pembekalan air yang tergendala atau tidak mencukupi lain-lain kegagalan pengendalian atau kerosakan infrastruktur dan mengambil tindakan susulan secepat mungkin

*We will provide professional and quality services in the planning, design, implementation and management of all drainage and flood mitigation, river engineering, coastal engineering, hydrology and water resources as well as irrigation and agricultural drainage programs and projects. Our services will be based on sound engineering principles, taking into account social and economic needs.*

*In implementing the following duties and functions, we pledge to:*

#### **DRAINAGE AND FLOOD MITIGATION**

##### **Main Client – Residents, Public**

- *To respond to departments/agencies within a week*
- *To take preliminary action on complaints from flood affected people within 24 hours and to produce preliminary report of the investigation within two weeks.*
- *Respond to assist and facilitate work by service-providers such as consultants, surveyors and contractors within one week.*

#### **RIVER ENGINEERING**

##### **Main Client – Residents, Property Owners, Farmers**

- *Maintain river systems to ensure that they are hydraulically effective so as to reduce flooding*
- *Provide feedback and technical comments regarding matters related to river engineering within 4 weeks*
- *Respond to all complaints regarding problems related to rivers within 48 hours*
- *Undertake emergency repair works to overcome river related problems within 48 hours*

#### **COASTAL ENGINEERING**

##### **Main Client – Residents, Property Owners, Farmers**

- *Ensure that coastal erosion control systems continue functioning effectively*
- *Provide advice and technical comments within 4 weeks regarding all EIA reports and coastal zone development applications*
- *Undertake emergency repair work within 48 hours for coastal erosion control structures/facilities that have failed*
- *Respond to all complaints regarding coastal erosion within 48 hours*

#### **HYDROLOGY AND WATER RESOURCES**

##### **Main Client – Public, Consultants, Government Agencies, Researchers**

- *To provide quality hydrological data and information within one week.*
- *To provide technical advice and consultancy services in hydrology and water resources.*
- *To provide water level forecast for major rivers during flood and drought seasons.*
- *To provide real-time rainfall data and river water level information for major river basins.*

#### **IRRIGATION AND AGRICULTURAL DRAINAGE**

##### **Main Client – Ministry of Agriculture and Agro-Based Industry**

- *Supply adequate water according to schedule for paddy cultivation.*
- *Give at least two weeks notice to farmers before changing the scheduled water supply commencement date in the event of a drought or for other reasons*
- *To ensure efficient agricultural drainage and good water table management for agricultural activities*
- *Respond within 48 hours to farmers' discontent regarding water supply disruption or inadequacies, operation breakdown or infrastructure damage, and take remedial action as soon as possible*

|                                                               |     |                                            |
|---------------------------------------------------------------|-----|--------------------------------------------|
| Wawasan dan Misi                                              | iii | <i>Vision and Mission</i>                  |
| Piagam Pelanggan                                              | iv  | <i>Clients' Charter</i>                    |
| Kandungan                                                     | 1   | <i>Contents</i>                            |
| Kenyataan Ketua Pengarah                                      | 2   | <i>Director General's Statement</i>        |
| Profil Pengurusan Atasan                                      | 7   | <i>Top Management Profile</i>              |
| Struktur Organisasi                                           | 10  | <i>Organisational Structure</i>            |
| Peranan Bahagian-bahagian                                     | 11  | <i>Roles of the Divisions</i>              |
| Pelan-pelan Tindakan                                          | 12  | <i>Action Plans</i>                        |
| Sorotan Peristiwa                                             | 14  | <i>Highlights</i>                          |
| Perancangan Strategik                                         | 16  | <i>Strategic Planning</i>                  |
| <b>LAPORAN KORPORAT JPS/DID CORPORATE REPORT</b>              |     |                                            |
| Laporan Korporat                                              | 17  | <i>Corporate Report</i>                    |
| Prestasi Kewangan                                             | 20  | <i>Financial Performance</i>               |
| <b>TINJAUAN PROGRAM UTAMA/REVIEW OF MAJOR PROGRAMS</b>        |     |                                            |
| Saliran dan Tebatan Banjir                                    | 21  | <i>Drainage and Flood Mitigation</i>       |
| Kejuruteraan Sungai                                           | 24  | <i>River Engineering</i>                   |
| Kejuruteraan Pantai                                           | 27  | <i>Coastal Engineering</i>                 |
| Hidrologi dan Sumber Air                                      | 31  | <i>Hydrology and Water Resources</i>       |
| Pengairan dan Saliran Pertanian                               | 33  | <i>Irrigation and Agriculture Drainage</i> |
| <b>TINJAUAN PROGRAM SOKONGAN/REVIEW OF SUPPORT PROGRAMS</b>   |     |                                            |
| Pembangunan Korporat                                          | 37  | <i>Corporate Development</i>               |
| Pentadbiran dan Kewangan                                      | 40  | <i>Administration and Finance</i>          |
| Pembangunan Sumber Manusia                                    | 42  | <i>Human Resource Development</i>          |
| Perkhidmatan Mekanikal                                        | 45  | <i>Mechanical Services</i>                 |
| Khidmat Pakar                                                 | 50  | <i>Specialist Services</i>                 |
| Ukur Bahan                                                    | 54  | <i>Quantity Surveying</i>                  |
| Teknologi Maklumat                                            | 57  | <i>Information Technology</i>              |
| Kualiti dan Produktiviti                                      | 60  | <i>Quality and Productivity</i>            |
| <b>TINJAUAN AKTIVITI YANG LAIN/REVIEW OF OTHER ACTIVITIES</b> |     |                                            |
| Institusi dan Persatuan Air                                   | 63  | <i>Water Institutions and Associations</i> |
| Kempen Cintailah Sungai Kita                                  | 66  | <i>Love Our Rivers Campaign</i>            |
| Sukan dan Sosial                                              | 69  | <i>Sports and Social</i>                   |
| <b>LAMPIRAN/APPENDIX</b>                                      |     |                                            |
| Rangkaian JPS                                                 | 71  | <i>DID Network</i>                         |

# **Kenyataan Ketua Pengarah**



# **Director General's Statement**



**Tuan-tuan dan Puan-puan yang dihormati.  
Assalamualaikum dan Salam Sejahtera.**

#### **Peristiwa Utama**

Tahun 2004 ini adalah satu tahun yang amat bersejarah kerana, setelah 72 tahun JPS (ditubuhkan pada 1 Jan 1932) di bawah Kementerian Pertanian, Jabatan Pengairan dan Saliran (JPS) telah dipindahkan kepada Kementerian yang baru ditubuhkan iaitu Kementerian Sumber Asli dan Alam Sekitar (NRE)). Pengstruktur semula jentera Kerajaan ini pada 27 Mac 2004 adalah atas arahan Perdana Menteri Malaysia Y.A.B. Dato' Seri Abdullah bin Haji Ahmad Badawi susulan pilihanraya umum pada 21 Mac 2004.

Perubahan ini akan memberi tumpuan yang khusus lagi istimewa untuk mengurus kekayaan sumber-sumber asli negara kita secara bersepadu oleh NRE dan jabatan-jabatan di bawahnya. Tambahan pula, perubahan ini mengiktirafkan air sebagai satu sumber asli yang penting dan pengurusan sumber ini pula diasingkan daripada pengurusan penggunaan sumber itu. NRE akan mengurus sumber-sumber asli (air, tanah, hutan, mineral dan persekitaran) dan agensi-agensi pengguna (end-users) sumber ini pula ditempatkan di bawah Kementerian tertentu seperti pengairan dan saliran pertanian di bawah Kementerian Pertanian dan Industri Asas Tani, bekalan air untuk tenaga, domestik dan industri di bawah Kementerian Tenaga, Air dan Komunikasi (KTAK).

JPS sudah pun mula berusaha ke arah perubahan ini semenjak di ambang milinium baru ini dengan memberi tumpuan kepada pengurusan air secara bersepadu. Pada 7 hingga 12 Jun tahun ini JPS telah berjaya menganjurkan acara Minggu Air Malaysia yang pertama. Objektif utama acara ini adalah untuk menggalakkan semua yang berkepentingan (stakeholders) dalam bidang pengurusan dan penggunaan air bersatu dalam menjayakan pembangunan sumber dan pengurusan air secara mampan. Dalam tempoh yang sama, JPS selaku urusetia *Malaysian Water Partnership* (MyWP) telah menjadi tuan rumah untuk mesyuarat *Global Water Partnership* (GWP) Consulting Partners ke-9. Mesyuarat peringkat antarabangsa ini merangka pelan-pelan tindakan ke arah

**Ladies and Gentlemen,  
Assalamualaikum and Salam Sejahtera**

#### **Major Events**

*The year 2004 is perhaps the most momentous year so far in the history of the Department of Irrigation and Drainage Malaysia (DID). After 72 years with the Ministry of Agriculture, the DID was transferred to the newly formed Ministry of Natural Resources and Environment (NRE). This move is in line with the restructuring of Government machinery on 27 March 2004. It was a decision by the Prime Minister, Y.A.B. Dato' Seri Abdullah bin Haji Ahmad Badawi following the General Elections on 21 March 2004.*

*This change will provide special attention and focus on the management of our rich natural resources in an integrated manner by NRE and its departments and agencies. In addition, this change is in recognition of water as an important natural resource. Its management as a resource is now separated from its management by end-users. The NRE will manage the country's natural resources (water, land, forest, mineral and the environment). While the end-users of water resources are now placed in the respective Ministries. Irrigation and agriculture drainage will be under the Ministry of Agriculture and Agro-Based Industry (MOA) whilst water supply for energy, domestic and industry will be under the Ministry of Energy, Water and Communications (KTAK).*

*The DID has been working towards this change since the turn of the millennium through special emphasis on integrated water resources management. From 7 to 12 June 2004, DID successfully organised the First Malaysia Water Week. The main objective was to encourage all stakeholders of water management and water utilisation to unite and combine efforts towards sustainable water resources development. Over that same period, DID, as the secretariat for the Malaysian Water Partnership (MyWP), also hosted the Ninth Global Water Partnership (GWP) Consulting Partners Meeting in Kuala Lumpur. This international level meeting was aimed at formulating action plans for*





kerjasama melaksanakan pengurusan sumber air secara bersepadu (*IWRM*).

### **Prestasi Kewangan**

Dengan pengstruktur semula JPS di bawah NRE, peruntukan program Pengairan telah ditempatkan terus di bawah kawalan Kementerian Pertanian dan Industri Asas Tani dan oleh itu tidak dilaporkan di dalam Laporan Tahunan ini.

Peruntukan di bawah kawalan JPS untuk program-program Saliran dan Tebatan Banjir, Kejuruteraan Sungai, Kejuruteraan Pantai, Hidrologi dan Sumber Air dan program pelbagai bagi tahun 2004 ini berjumlah RM839 juta. Jumlah yang dibelanjakan daripada peruntukan ini pula ialah RM407 juta atau 48.5%.

Nilai peratusan keseluruhan ini menjadi rendah kerana sebahagian besar peruntukan untuk projek-projek utama di bawah Program Saliran dan Tebatan Banjir tidak digunakan apabila pembiayaan projek-projek itu ditukarkan kepada pembiayaan melalui *Private Funding Initiatives (PFI)*. Projek-projek yang terlibat adalah projek tebatan banjir Sg. Muda, projek tebatan banjir Kuala Lumpur Package A (SMART) dan projek tebatan banjir Kuala Lumpur Package B (Kolam-kolam Batu dan Jinjang) berjumlah RM514 juta untuk tahun 2004 ini.

Selain itu, dari jumlah peruntukan untuk tahun 2004 ini, RM318 juta telah dibelanjakan pada tahun 2003 atas arahan Kerajaan. Pencapaian ini telah diambil kira dan dilaporkan dalam laporan prestasi kewangan tahun 2003.

Oleh sebab-sebab tersebut, sejumlah lebih daripada RM400 juta daripada peruntukan 2004 boleh dianggap sebagai peruntukan berlebihan secara luar jangka. Usaha mengagihkan lebih peruntukan ini kepada program dan projek-projek lain tidak sempat dibuat atas sebab-sebab teknikal. Akibatnya, dari segi nilai peratusan perbelanjaan sebenar berbanding dengan jumlah peruntukan bagi tahun 2004 menjadi rendah.

Nilai-nilai peratusan prestasi kewangan bagi program-program JPS adalah 44.1% untuk Saliran dan Tebatan Banjir, 78% untuk Kejuruteraan Sungai, 72% untuk Kejuruteraan Pantai, 93% untuk Hidrologi dan Sumber Air dan 57% untuk program pelbagai.

### **Tinjauan Operasi**

Pada keseluruhannya projek-projek JPS berjalan lancar pada tahun 2004 dan dijangka siap mengikut jadual kecuali beberapa projek yang telah diiktiraf sebagai "projek sakit".

Projek-projek utama JPS boleh dianggap bertaraf antarabangsa dari segi sistem, piawaian rekabentuk, teknologi serta proses-proses perlaksanaannya oleh pegawai dan staf yang berkelayakan serta berpengalaman.

Umpamanya, projek tebatan banjir Kuala Lumpur di bawah program Saliran dan Tebatan Banjir Pakej A dan Pakej B adalah unik dan satu-satunya di dunia. Kedua-dua Pakej ini dijangka siap mengikut jadual pada tahun 2007. Pakej A (Projek SMART) melibatkan pembinaan sistem lencongan aliran banjir daripada Sg. Ampang kepada Sg. Kerayong melalui satu terowong sepanjang 9.7 km dan berdiameter 11.8 m. Terowong ini pula bukan sahaja untuk saluran aliran banjir tetapi sebahagian daripadanya adalah untuk laluan trafik sepanjang 3 km. Kombinasi saluran aliran banjir dengan laluan trafik dalam satu

*cooperation in implementing sustainable water resources management.*

### **Financial Performance**

*With the change to NRE, the financial structure and budget allocations for Irrigation Program is now under the purview and control of the MOA. It is therefore not reported in this Annual Report.*

*The financial allocation for 2004 was RM839 million. This was for implementing the Drainage and Flood Mitigation, River Engineering, Coastal Engineering, Hydrology and Water Resources and miscellaneous programs. The total amount expended from the allocation was RM407 million or 48.5%.*

*The main reason for this relatively low percentage compared to the high figures of previous years is due to the change of mode of financing for some major projects such as Kuala Lumpur Flood Mitigation Projects (KLFMP) Package A (SMART), KLFMP Package B (Batu and Jinjang Ponds). The financing for these two projects were changed from using the normal budget allocations to that of deferred payment through the Private Funding Initiatives (PFI). As a result, RM514 million budgeted for the year for these projects were not utilised.*

*Another reason was that RM318 million budgeted for 2004 was expended in 2003 in line with the Government's directive. This amount was accounted for and reported in 2003.*

*As a result of the above, after financial adjustments, there was a budget excess of more than RM400 million in the total budget allocation for 2004. This excess is considered extraordinary. Efforts to re-allocate this excess within the financial year were unsuccessful due to technical and time constraints.*

*The overall financial achievements by programs were 44.1% for Drainage and Flood Mitigation, 78% for River Engineering, 72% for Coastal Engineering, 93% for Hydrology and Water Resources and 57% for miscellaneous programs.*

### **Review of Operations**

*Overall, projects implemented progressed very well in 2004 and are expected to be completed on time as scheduled except for the few projects classified as "problematic".*

*Our major projects are considered world class in terms of the system, design standards, applied technology as well as the implementation processes adopted by DID's qualified and experienced staff.*

*The KLFMP Package A and Package B projects (expected to be completed in 2007) are good examples. In some ways both are unique. Package A (SMART Project) involves the construction of a flood flow diversion channel from Sg. Ampang to Sg. Kerayong via a tunnel 9.7 km long and with an 11.8 m diameter. Most interesting is that this tunnel is designed to carry traffic as well over a 3 km stretch of the tunnel. This dual function tunnel is believed to be the only one of its kind in the world.*

*Package B is a flood mitigation scheme using the*





terowong ini apabila siap kelak akan menjadi satu jenis infrastruktur yang dipercayai tunggal di dunia.

Pakej B pula adalah sistem tebatan banjir yang menggunakan kolam-kolam bekas lombong timah di Kolam Batu dan Kolam Jinjang sebagai takungan aliran banjir. Sistem ini boleh dianggap sebagai satu pendekatan penyelesaian masalah banjir secara mesra alam yang terbesar di Malaysia.

Di bawah program Kejuruteraan Sungai, penekanannya adalah untuk menjadikan sungai-sungai dan persekitarannya kepada keadaan semula jadi dan mencapai impian supaya sungai-sungai kita menjadi "Clean, Living and Vibrant". Usaha ini tidak mudah dilaksanakan lebih-lebih lagi dalam suasana pembangunan negara yang terus berkembang. Salah satu pendekatan baru yang diperkenalkan pada tahun 2004 ialah menggunakan strategi dalam mempercepatkan penerapan pendekatan pengurusan yang terbaik selaras dengan pelan pengurusan lembangan sungai secara bersepadu. Projek ini bertujuan memulihara satu sungai terpilih di setiap Negeri dan seterusnya akan dijadikan model untuk pengurusan sungai-sungai lain. Melalui usaha ini, adalah diharapkan supaya sungai-sungai kita akan menjadi kebanggaan rakyat dan negara.

Untuk program kejuruteraan pantai, pelan-pelan pengurusan persisiran pantai secara bersepadu telah mula dilaksanakan pada tahun ini untuk persisiran pantai Pahang Utara dan Pulau Tioman.

Sebagai pengurus Bank Data Hidrologi Kebangsaan, usaha untuk mempertingkatkan kualiti data dari segi ketepatan dan masa semakin menunjukkan hasil. Sistem ramalan dan amaran banjir pun berjalan lancar dan berkesan. Sungguhpun tidak ketara, sistem-sistem ini telah berjaya menyokong secara positif dalam usaha Kerajaan dalam pengurusan banjir dan kerja-kerja bantuan.

Kepakaran JPS terus diperlukan di peringkat antarabangsa. Pada tahun 2004 ini, program latihan antarabangsa di bawah Program Kerjasama Teknikal Malaysia (MTCP) diteruskan untuk kali kelapan! Tambahan itu, satu program latihan baru untuk pengurusan pengairan di bawah program kerjasama MTCP dengan *Japan International Cooperation Agency* (JICA) khusus untuk negara-negara Cambodia, Laos, Myanmar dan Vietnam (CLMV) telah dimulakan. Program tiga tahun ini merupakan salah satu program pembangunan keupayaan melaksana (*Capacity Building*) yang dipersetujui oleh ahli-ahli negara ASEAN. JPS juga bergiat aktif dalam Jawatankuasa Taufan yang telah ditubuhkan oleh Kerajaan negara-negara *Economic Commission for Asia and the Far East* (ECAFE) yang diancam taufan. Jawatankuasa ini adalah di bawah naungan *United Nations Economic Commission for Asia and the Far East* dengan kerjasama Pertubuhan Kajicuaca Dunia (WMO). Ia ditubuhkan untuk menggalakkan serta menyelaras usaha bagi menyediakan kehidupan yang selamat serta bebas daripada kesan taufan secara penyertaan aktif dalam bidang seperti hidrologi, kajicuaca, pencegahan dan bersiap sedia menghadapi bencana.

#### **Pandangan Masa Hadapan**

Peranan, tanggungjawab dan program JPS, terutama sekali mulai awal milenium ini, telah berkembang pesat

*disused Batu and Jinjang tin mining ponds as flood detention storages. This scheme is the largest environmentally friendly flood mitigation system in Malaysia.*

*In River Engineering, efforts to "bring nature back to our rivers" and to make them "Clean, Living and Vibrant" continued in earnest. One of the new approaches that started in 2004 is a strategy to accelerate the adoption of best management practices in relation to the Integrated River Basin Management (IRBM) plan. For each State, a river will be selected for a river conservation project and this will be used as a model for other similar rivers in the country. In the long term, it is hoped that our rivers will be the pride of the nation.*

*For Coastal Engineering, two of our Integrated Shoreline Management Plans (North Pahang and Tioman Island) begun implementation in 2004.*

*As the custodian of the National Hydrology Data Bank, our efforts to improve quality and accuracy as well as the timeliness of information dissemination are showing positive results. The flood forecasting and warning system functioned very well and effectively this year. Although discreet, these systems have contributed positively in flood management and relief efforts by the Government.*

*Our expertise continued to be sought after at the international level. In 2004, we provided training on irrigation planning and design for international participants under the Malaysian Technical Cooperation Program (MTCP) for the eighth consecutive year! In addition, this year we started a new program exclusively for the CLMV countries (Cambodia, Laos, Myanmar and Vietnam) in irrigation management. This is a three year MTCP-JICA joint technical cooperation program. It is also part of the capacity building program agreed by ASEAN member countries. We were also actively involved in the Typhoon Committee established by the Governments of the Economic Commission for Asia and the Far East (ECAFE) member countries affected by typhoons. This committee is under the auspices of the United Nations Economic Commission for Asia and the Far East in cooperation with the World Meteorological Organization with a view to promoting and co-coordinating efforts to make the lives of people free of and safe from typhoon damage by active participation in such fields as hydrology, meteorology, disaster prevention and preparedness.*

#### **Future Outlook**

*The DID has significantly expanded its role and function from just irrigation and agriculture drainage to a broader scope of water resources and water environment management by turn of the millennium. With this major change in 2004, the immediate challenge is the ability to quickly adjust and to fit in with the role and objectives of the NRE. The DID will now take advantage of this new strategic position that requires the Department to manage water resources and water environment well beyond its previous boundary of the agriculture sector.*

*DID will need to look at the management of the*



daripada tertumpu di dalam bidang pengairan dan saliran pertanian kepada bidang yang lebih luas iaitu ke arah pengurusan sumber air dan persekitarannya. Sekarang JPS perlu secepat mungkin menyelaraskan tugas dan tanggungjawabnya supaya sehaluan dengan peranan dan objektif NRE. JPS akan menghayati kedudukan yang strategik ini untuk mengurus sumber air dan persekitaran jauh lebih luas dan melebihi sempadan sektor pertanian.

Sumber air dan persekitaran yang perlu diurus dianggarkan berjumlah 566 bilion meter padu air permukaan dan 64 bilion meter padu air bawah tanah hasil daripada turunan hujan purata lebih daripada 3000mm setahun. Pengurusan air ini perlu memenuhi keperluan pelbagai sektor ekonomi bernilai RM250 bilion setahun (GDP) supaya terus meningkat. Selain ekonomi, pengurusan sumber air juga perlu untuk memastikan kesejahteraan dan kesejahteraan hidup rakyat seramai 25.6 juta yang kian bertambah dengan kadar 2.4% setahun.

Rancangan Pembangunan Lima Tahun Malaysia ke Sembilan (RMKe-9) akan bermula pada tahun 2006. Mulai sekarang JPS akan membuat perancangan yang sesuai dengan peranannya sebagai pengurus sumber air di bawah NRE. Perancangan program-program ini akan diselaraskan dengan tema perkhidmatan JPS iaitu "Air Sebagai Sumber", "Air untuk Kesejahteraan Persekitaran" dan "Air sebagai kuasa pemusnah dan bencana"

Konsep "Air sebagai Sumber" perlu pemahaman dan penghayatan yang mendalam. Konsep air itu bernilai (*valuable*) sememangnya diperakui umum tetapi konsep air sebagai sumber masih samar-samar (*vague*) kecuali di sektor bekalan air domestik dan industri dan minuman air mineral. Sebagai sumber, air perlu diurus sama seperti sumber-sumber tanah (*land*), galian (*mineral*) dan perhutanan. Oleh itu dan dari perspektif ini, air mempunyai harga (*price*), boleh diniaga, dijual-beli (*traded*) dan boleh diimport-eksport. Dari perspektif ini juga, jumlah air mempunyai had (*finite*); tidak boleh diperolehi pada bila-bila masa dan tidak sepanjang masa. Penggunaan dan pengurusan air, seperti sumber-sumber lain, telah melangkaui kepentingannya daripada memenuhi keperluan asas kehidupan (*basic need for life*) kepada keperluan penting untuk menyokong cara hidup moden dan ekonomi moden (*necessity for the modern lifestyle and modern economy*).

Untuk pengurusan air sebagai sumber ini, JPS akan terus memperkaya dan meningkatkan simpanan serta kualiti Bank Data Hidrologi Negara. Data dan maklumat ini akan digunakan sebagai asas merangka strategi pengurusan air di negara kita secara lebih tepat. Maklumat simpanan air dalam sungai, empangan dan bawah tanah perlu diselaraskan. Maklumat-maklumat ini amat penting untuk membuat unjuran bekalan dan permintaan semasa dan jangka masa panjang. Sistem-sistem ramalan kemarau dan ramalan bekalan air hujan juga perlu diperluaskan supaya memenuhi kehendak pengguna bagi semua sektor ekonomi.

Bagi "Air untuk Kesejahteraan Persekitaran" pula, tujuan utama JPS adalah menjadikan sungai-sungai sebagai satu aset semula jadi yang terkenal di dunia dan sebagai lambang kekayaan dan keindahan alam sekitar negara. Harapannya ialah supaya kesemua 189 lembangan sungai di Malaysia ini diurus secara bersepadu dan mampan. Program "Satu Negeri; Satu Sungai" akan diberi keutamaan sebagai langkah pertama ke arah usaha ini.

*estimated 566 billion cubic metres of surface water resources and the 64 billion cubic metres groundwater annual recharge. Their management will need to satisfy the needs of various economic sectors to increase and sustain our Gross Domestic Product (GDP) valued at RM250 billion a year. At the same time, good management strategies and practices of the more than 3000mm average annual rainfall are important to ensure the living comfort of our population of 25.6 million that is growing at an annual rate of 2.4%.*

*The Ninth Malaysia Five Year Development Plan (9<sup>th</sup> MP) will begin in 2006. This is the last of the five year plan before the 2010 target for DID to be a world class organization. This Plan is also the last of three before 2020; the target year for Malaysia to be a developed nation. The opportunity time available is quite short and thus achieving the set targets requires strategic plans and a lot of hard work by all involved.*

*Planning for 9<sup>th</sup> MP has begun and DID will implement its role and responsibilities along its service themes of "Water as a Resource", "Water for the Environment" and "Protection from the force of destruction and disaster of water".*

*"Water as a Resource" requires good understanding and full appreciation of the concept that water is a valuable but finite resource. This concept of water as resource is still vague amongst the general public except (to a limited extent) within the domestic and industrial water supply sectors and mineral water market. As a resource, water need to be managed as with other natural resources such as land, mineral and the forest. From this perspective then, water has an economic value, can be traded and can be imported and exported. Its supply is not infinite but finite i.e. it is not an inexhaustible resource. The demand for water, as with other resources, has gone beyond satisfying the basic need for life to being a critical input and requirement to support our modern lifestyle and economy.*

*For this management of water as a resource, DID will continue to enrich and improve the data quality and storage in the National Hydrological Data Bank under its custody. These data will be critical in formulating appropriate national policies on water management. Information on water yields and storage in the rivers, dams and underground will have to be coordinated. This is necessary for short and long terms supply-demand forecasting. There is also the need to expand the drought and rainfall yields forecasting system so as to be able to continuously satisfy the ever complex user demands.*

*In "Water for the Environment", our efforts will have to be towards making our rivers internationally famous, as a symbol of the wealth of our natural asset and be the pride of the nation. Our vision is that all 189 river basins in the country will ultimately be managed in an integrated and sustainable manner. This effort will be initiated through the "One State, One River" program.*

*"Water as a Force of Destruction and Disaster" is well known. On 26 December 2004, a powerful tsunami struck many countries on the rim of the Indian Ocean destroying lives and properties. An*



"Air sebagai kuasa pemusnah dan bencana" tidak dapat dinafikan. Pada 26 Disember 2004, kejadian bencana tsunami telah memusnahkan banyak bandar-bandar dan perkampungan serta mengorbankan lebih daripada 150,000 nyawa di negara-negara persisiran Lautan Hindi. Malaysia tidak terkecuali daripada bencana ini sungguhpun tidak seteruk negara-negara lain. Kita sama-sama mengucapkan takziah kepada mangsa-mangsa, keluarga dan Negara yang menghadapi tragedi itu. Bagi JPS, kita berasa amat bersyukur kerana struktur-struktur kawalan hakisan pantai dan kawalan air pasang-surut kita tetap kukuh dan berfungsi selepas melawan kuasa arus tsunami tersebut.

Bencana tsunami telah memberi beberapa pengajaran dan peringatan kepada kita. Ia tetap akan berlaku tanpa tempoh amaran yang mencukupi. Bencana alam di Malaysia boleh dikatakan sebagai bencana berasaskan air (*water related disaster*) seperti banjir, tanah runtuh, banjir lumpur, ombak besar dan tsunami. Sebaliknya, kejadian kemarau yang ketara juga boleh mencapai tahap bencana. Tahap bencana ini mudah berlaku di Malaysia terutama sekali dalam persekitaran kawasan penduduk yang kian padat dan berkembang serta ekonomi yang semakin kompleks. Sumbangan JPS dalam mengawal kesan kemungkinan bencana ini perlu dipertingkatkan. Di antaranya adalah meningkatkan sistem pengumpulan dan penyebaran data hujan, sistem ramalan banjir dan kemarau. Selain itu rekabentuk infrastruktur pelindung pantai, struktur kawalan air dan saliran kawasan-kawasan berbukit yang sensitif kepada hakisan perlu dikaji dan disesuaikan dengan penemuan kajian-kajian terkini. JPS juga perlu menyediakan pelan-pelan tindakan jangka masa panjang untuk mengatasi masalah kekurangan bekalan air yang dijangka akan menjadi lebih serius.

Pada keseluruhannya, JPS perlu mendapatkan teknologi serta pengetahuan baru dan sistem penghantaran khidmat yang berkesan pada masa hadapan. Proses kerja hendaklah menepati piawaian antarabangsa seperti ISO dan OHSAS. Budaya kerja perlu mencapai tahap cemerlang dan menghayati keinginan untuk memenuhi atau melebihi kepuasan pelanggan. Semua ini pasti akan menjadikan JPS sebagai organisasi bertaraf dunia menjelang tahun 2010.

### **Penghargaan**

Kejayaan dan pencapaian JPS pada tahun 2004 ini adalah hasil kerja keras pegawai dan kakitangannya. Disamping itu, sokongan dan kerjasama NRE, Kementerian-Kementerian lain, dan Jabatan-Jabatan Kerajaan di peringkat Persekutuan dan Negeri telah memudahkan dan melicinkan pelaksanaan program-program JPS. Pelanggan-pelanggan JPS juga telah memainkan peranan penting dalam melicinkan pelaksanaan dan penghantaran khidmat Jabatan.

Kepada semua, saya ingin merakamkan ucapan terima kasih yang tidak terhingga dan dengan harapan kejayaan JPS akan berterusan dan membantu memberi keselesaan hidup dan kehidupan untuk semua.

Sekian, Terima Kasih dan Wassalam.

Datuk Ir. Hj. Keizrul bin Abdullah  
Ketua Pengarah JPS.

*estimated more than 150,000 lives perished. Malaysia was not spared its mercy although our losses were small compared to others in region. We extend our condolences to all the victims, their families and the nations involved. For DID, we are grateful that all our coastal protection and tidal gate structures along the affected coastlines withstood the forces of the tsunami and remained functional.*

*This event served as a reminder that disasters cannot be avoided and will occur with little or no warning. Natural disasters in Malaysia are mostly water induced i.e. from excess rainfall that causes landslides and floods, large waves that causes erosion and the tsunami. Conversely, the extreme lack of rainfall causes droughts and water supply shortages. Whilst these are natural events, their impact is becoming more severe due to the increased population density and the expanding economy. DID will need to provide better and more accurate data and warning systems to mitigate the impact of such disasters. It will also need to review present planning and design standards to match current research findings. The DID will also need to develop good long term plans to avoid water supply shortages that is expected to become more serious in the future.*

*On the whole, the future requires DID to acquire new knowledge and technology and an efficient service delivery system. Work processes must be of international standards and in compliance with ISO and OHSAS. Work culture too must value quality and excellence and embrace the desire to satisfy and if possible exceed our clients' expectations. All these will definitely make DID a world class organization by 2010.*

### **Acknowledgements**

*Our successes and achievements in 2004 are results of conscientious efforts of all the staffs in DID. In addition, they are also due to the support and cooperation of the NRE, other Ministries and Government Departments at the Federal and State levels. Our clients have also contributed positively in ensuring the smooth implementation of our projects and service deliveries.*

*To everyone involved, I would like to record my sincere appreciation and thanks. My wish and hope is that DID's successes will continue and contribute significantly to the quality of life and living for all of us.*

*Thank You and Wassalam.*

*Datuk Ir. Hj. Keizrul bin Abdullah,  
Director General DID.*



## **Profil Pengurusan Atasan**



## **Top Management Profile**



## DATUK IR. HJ. KEIZRUL BIN ABDULLAH

### Ketua Pengarah / *Director General*

Umur 53 tahun. Beliau memegang jawatan Ketua Pengarah JPS semenjak 1997. Datuk Ir. Hj. Keizrul berkelulusan Ijazah Kejuruteraan Awam daripada Universiti Malaya, Diploma Lepas Ijazah Kejuruteraan Hidraulik daripada the Delft Hydraulics Institute, Negeri Belanda dan Ijazah Sarjana Kejuruteraan Sumber Air dari Universiti Newcastle-upon-Tyne, England. Kepakaran dan minat beliau adalah dalam bidang pengurusan sumber air. Minat ini bermula semasa beliau menjadi Ketua Jurutera Sejawatan (*Chief Counterpart Engineer*) untuk Kajian Sumber Air Negara pada tahun 1982 di bawah program kerjasama teknikal Kerajaan Jepun (JICA) dengan Kerajaan Malaysia. Kajian menyeluruh ini telah menjadi bahan rujukan untuk tahun-tahun berikutnya untuk pelbagai sektor pengurusan dan pembangunan sumber air dan sebagai asas penggubalan dasar-dasar Kerajaan berkaitan dengan air. Sungguhpun seorang yang pendiam, Datuk Ir. Hj. Keizrul dikenali juga sebagai seorang yang pintar, berpengetahuan tinggi, seorang penulis dan pembentang yang terkenal di peringkat tempatan dan antarabangsa. Diantara ungkapan yang diperkenalkan oleh beliau adalah "*More Crop; Less Drop*" dan impian sungai yang "*Clean, Living and Vibrant*". Agenda berterusan beliau adalah untuk menjayakan konsep Pengurusan Sumber Air Secara Bersepadu (IWRM) dan membawa kembali suasana alam semula jadi ke sungai-sungai di Malaysia. Datuk Ir. Hj. Keizrul amat aktif dalam beberapa pertubuhan terkemuka tempatan dan antarabangsa seperti Lembaga Jurutera Malaysia (LJM), Institusi Jurutera Malaysia (IEM), *International Hydrological Program* (IHP), *Inter-Islamic Network on Water Resources Development and Management* (INWRDAM), *Asean Working Group on Water Resources Management* (AWGWRM) dan *Global Water Partnership* (GWP). Pada tahun 2002 beliau telah dilantik menjadi Presiden *International Commission on Drainage and Irrigation* (ICID) (2002-2005), sebuah pertubuhan terunggul bagi bidang pengairan, saliran dan sumber air yang dianggotai oleh 104 buah Negara dan badan antarabangsa.



*Age 53. He is the Director General of DID since 1997. Datuk Ir. Hj. Keizrul graduated with a degree in Civil Engineering from the University of Malaya; a Post Graduate Diploma in Hydraulic Engineering from the Delft Hydraulic Institute, Holland, Masters Degree in Water Resources Engineering from the University of Newcastle Upon Tyne, United Kingdom. His expertise and interest is in water resources management. This started when he was the Chief Counterpart Engineer for the National Water Resources Study in 1982, a technical cooperation program between Japan (JICA) and Malaysia. This comprehensive study became a national reference document for many years for all water resources management and development sectors and used as a basis for the formulation of the Government's water related policies. Although a quiet personality, Datuk Ir. Hj. Keizrul is well-known for his intelligence, knowledge, a good writer and presenter locally and internationally. He introduced the slogan 'More Crop, Less Drop' and the dream for a river that is 'Clean, Living and Vibrant'. His unceasing agenda is to ensure the success of the Integrated Water Resource Management concept and to bring back nature to our rivers in Malaysia. Datuk Ir. Hj. Keizrul is very active in several leading organizations locally and internationally. These include the Board of Engineers Malaysia (BEM), the Institution of Engineers Malaysia (IEM), the International Hydrological Program (IHP), Inter-Islamic Network on Water Resources Management (AWGWRM) and the Global Water Partnership. In 2002 he was elected the President of the International Commission on Irrigation and Drainage (ICID) (2002-2005), the world's foremost organization on irrigation, drainage and water resources with membership from 104 countries and leading international bodies.*



**IR. HJ. AHMAD FUAD BIN EMBI**  
**Timbalan Ketua Pengarah I / Deputy Director General I**



Umur 53 tahun. Beliau memegang jawatan Timbalan Ketua Pengarah I JPS mulai 2003. Ir. Hj. Ahmad Fuad Embi berkelulusan Ijazah Kejuruteraan Awam daripada Universiti Canterbury, New Zealand, Diploma Lepas Ijazah Hidrologi daripada IHE, Delft, Belanda dan Ijazah Sarjana Pengairan dari Universiti Southampton, England. Beliau bermula khidmatnya di Bahagian Hidrologi JPS dan dalam perkembangan kerjayanya, beliau menjadi pakar perancangan dan pengurusan sungai. Penekanannya adalah kepada kejuruteraan yang lembut dan mesra alam. Beliau sedar bahawa menukar minda pemaju dan jurutera-jurutera ke arah pendekatan itu tidak mudah. Namun demikian beliau yakin kejayaan akan tercapai dengan sikap cekal dan tidak berputus asa. Ir. Hj. Fuad berpegang kepada prinsip bahawa sebarang perancangan mesti mengambil kira objektif jangka panjang. Oleh itu penyelesaian secara 'quick-fix' lebih banyak mudaratnya kalau tidak dikaji kesannya terhadap matlamat akhir itu. Di kalangan profesional, Ir. Hj. Fuad dikenali sebagai seorang yang peramah dan tidak gentar untuk memberi pandangan yang tajam dan terbuka. Beliau juga sentiasa mencabar idea-idea lama. Ir. Hj. Fuad menjalin hubungan baik dikalangan staf JPS bukan sahaja melalui tugas tetapi juga melalui penyertaan aktifnya dalam aktiviti sukan JPS.

*Age 53. Ir. Hj. Ahmad Fuad is the Deputy Director General I DID since 2003. He graduated with a Civil Engineering degree from the University of Canterbury, New Zealand; Post Graduate diploma in Hydrology from the Delft Hydraulics Institute, Holland and Masters in Irrigation from the University of Southampton, England. He started as a hydrologist in DID and through his career development he is now an expert in river planning and management. His interest is on soft and environmentally friendly design approach. He readily accepts that it is not an easy task to change the mindset of developers and engineers to adopt this approach. Nonetheless he is confident that success will be achieved through resilience and sheer determination. Ir. Hj. Fuad believes that long term strategies must be given priority over short term solutions. Any "quick-fix" solution could be more detrimental if its long term impact is not properly considered. Amongst the professionals, Ir. Hj. Fuad is well known as a friendly person and not afraid to express his views openly. He is always challenging aged-old ideas and continuously encourages the staffs to apply lateral thinking when performing their duties. Ir. Hj. Fuad maintains good relationship with the staffs not only through work but also through his active participation in DID sports activities.*






**IR. HJ. HOSNI BIN BARDAN**  
**Timbalan Ketua Pengarah II / *Deputy Director General II***



Umur 54 tahun. Ir. Hj. Hosni Bardan memegang jawatan Timbalan Ketua Pengarah II JPS mulai 2003 dan berkelulusan Ijazah Kejuruteraan Awam daripada Universiti Glasgow, Scotland. Beliau memulakan kerjayanya di Bahagian Rekabentuk Ibu Pejabat JPS dan seterusnya ditempatkan di beberapa jawatan di pejabat Projek, Negeri dan kembali ke Ibu Pejabat JPS. Daripada pengalaman pelbagai dan meluas yang merangkumi semua aspek fungsi JPS ini, beliau amat matang sebagai pelaksana projek dan berpegang kepada sifat *action-oriented*. Kepakaran beliau adalah dalam bidang pengurusan projek terutama sekali dari segi perancangan, rekabentuk dan pelaksanaan projek. Ir. Hj. Hosni dikenali sebagai seorang yang sabar dan sentiasa sedia menerima pandangan orang lain. Beliau amat berminat membangunkan kepakaran dan tahap kecekapan staf supaya mereka dapat menjayakan sesuatu projek itu dengan yakin, dalam tempoh yang ditetapkan dan dengan kos yang terkawal. Sistem pengurusan yang lengkap, sempurna dan boleh diharapkan (*reliable*) amat penting kepada beliau dan percaya ini akan memastikan pengurus projek sentiasa dalam kedudukan "*in control*". Selaras itu beliau sekarang berusaha supaya JPS mempunyai pelan induk jangka masa panjang untuk pembangunan sumber manusia yang menyeluruh supaya semua staf akan mencapai tahap kepakaran profesional yang diperakui agar wawasan JPS bertaraf dunia tercapai menjelang 2010.

*Age 54. Ir. Hj. Hosni is the Deputy Director General II of DID since 2003. He graduated from the University of Glasgow, Scotland with a degree in Civil Engineering. His career began in the design office at DID headquarters and following that, his tour of duty covered various positions in project offices, in the States, as the Terengganu State Director and back to DID headquarters. Through this all round exposure in all aspects of DID's functions, he is very experienced as a project implementer and believes in being action-oriented. His expertise is in project management particularly in planning, design and implementation. Ir. Hj. Hosni is known for his patience and openness to ideas from others. He is very keen in developing staffs' expertise and competency levels so that they are able to manage projects with confidence, in time and within budget. A management system that is complete, efficient and reliable is very important to him and he believes this will ensure that a project manager is always in-control. In line with this he is focusing efforts to ensure that the DID will have a comprehensive long term masterplan for human resource development so that all staffs will achieve internationally recognised level of expertise and help realise DID's Vision to be a World Class organization by 2010.*





|                                                                                                                                                                                                                               |                                                                                                                                                                                                                        |
|-------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------|------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------|
| <b>BAHAGIAN SALIRAN DAN TEBATAN BANJIR</b>                                                                                                                                                                                    | <b>DRAINAGE AND FLOOD MITIGATION DIVISION</b>                                                                                                                                                                          |
| <ul style="list-style-type: none"> <li>• Untuk memberikan perkhidmatan yang cemerlang untuk persekitaran yang terlindung dengan baik daripada ancaman banjir.</li> </ul>                                                      | <ul style="list-style-type: none"> <li>• <i>To provide excellent services for environment well protected from threats of flooding</i></li> </ul>                                                                       |
| <b>BAHAGIAN KEJURUTERAAN SUNGAI</b>                                                                                                                                                                                           | <b>RIVER ENGINEERING DIVISION</b>                                                                                                                                                                                      |
| <ul style="list-style-type: none"> <li>• Memastikan amalan pengurusan sungai yang baik, pemuliharaan air dan kualitinya, dan mengurangkan kejadian banjir.</li> </ul>                                                         | <ul style="list-style-type: none"> <li>• <i>To ensure good management practices, water conservation and its quality and reduce floodings</i></li> </ul>                                                                |
| <b>BAHAGIAN KEJURUTERAAN PANTAI</b>                                                                                                                                                                                           | <b>COASTAL ENGINEERING DIVISION</b>                                                                                                                                                                                    |
| <ul style="list-style-type: none"> <li>• Pembangunan dan pengurusan zon pantai bagi mengurangkan hakisan pantai dan masalah mendapan di muara sungai untuk laluan bot-bot nelayan.</li> </ul>                                 | <ul style="list-style-type: none"> <li>• <i>Develop and manage the coastal zone to reduce coastal erosion and river mouth siltation problems for ease of fishing boat movements.</i></li> </ul>                        |
| <b>BAHAGIAN HIDROLOGI DAN SUMBER AIR</b>                                                                                                                                                                                      | <b>HIDROLOGY AND WATER RESOURCES DIVISION</b>                                                                                                                                                                          |
| <ul style="list-style-type: none"> <li>• Pengurusan data dan maklumat hidrologi serta penilaian sumber air.</li> </ul>                                                                                                        | <ul style="list-style-type: none"> <li>• <i>Hydrological data and information management and water resources assessment</i></li> </ul>                                                                                 |
| <b>BAHAGIAN PENGAIRAN DAN SALIRAN PERTANIAN</b>                                                                                                                                                                               | <b>IRRIGATION AND AGRICULTURE DRAINAGE DIVISION</b>                                                                                                                                                                    |
| <ul style="list-style-type: none"> <li>• Pembangunan infrastruktur dan pengurusan air bagi tanaman padi dan tanaman pelbagai bertujuan untuk kemajuan sektor pertanian dan peningkatan pengeluaran makanan negara.</li> </ul> | <ul style="list-style-type: none"> <li>• <i>Infrastructure development and water management for paddy and other crops to improve the agriculture sector as well as to increase national food production</i></li> </ul> |
| <b>BAHAGIAN PEMBANGUNAN KOPORAT</b>                                                                                                                                                                                           | <b>CORPORATE DEVELOPMENT DIVISION</b>                                                                                                                                                                                  |
| <ul style="list-style-type: none"> <li>• Merangka dan melaksanakan dasar-dasar jabatan dan kerajaan serta penggubalan pelan strategik Jabatan.</li> </ul>                                                                     | <ul style="list-style-type: none"> <li>• <i>Formulate and implement departmental and government policies and strategic planning for the DID</i></li> </ul>                                                             |
| <b>BAHAGIAN PENTADBIRAN DAN KEWANGAN</b>                                                                                                                                                                                      | <b>ADMINISTRATION AND FINANCE DIVISION</b>                                                                                                                                                                             |
| <ul style="list-style-type: none"> <li>• Pengurusan pentadbiran am dan kewangan Jabatan secara keseluruhannya.</li> </ul>                                                                                                     | <ul style="list-style-type: none"> <li>• <i>Overall Departmental administration and finance management</i></li> </ul>                                                                                                  |
| <b>BAHAGIAN PEMBANGUNAN SUMBER MANUSIA</b>                                                                                                                                                                                    | <b>HUMAN RESOURCES DEVELOPMENT DIVISION</b>                                                                                                                                                                            |
| <ul style="list-style-type: none"> <li>• Perancangan dan pembangunan sumber manusia bagi meningkatkan kepakaran dan pengetahuan warga JPS melalui program latihan dan kemajuan kerjaya.</li> </ul>                            | <ul style="list-style-type: none"> <li>• <i>Plan and develop human resource to enhance knowledge and expertise of DID staff through training program and career development</i></li> </ul>                             |
| <b>BAHAGIAN PERKHIDMATAN MEKANIKAL</b>                                                                                                                                                                                        | <b>MECHANICAL SERVICES DIVISION</b>                                                                                                                                                                                    |
| <ul style="list-style-type: none"> <li>• Memberi khidmat kepakaran mekanikal dan elektrik.</li> </ul>                                                                                                                         | <ul style="list-style-type: none"> <li>• <i>Provide mechanical and electrical specialist services</i></li> </ul>                                                                                                       |
| <b>BAHAGIAN KHIDMAT PAKAR</b>                                                                                                                                                                                                 | <b>SPECIALIST SERVICES DIVISION</b>                                                                                                                                                                                    |
| <ul style="list-style-type: none"> <li>• Menyediakan kepakaran kejuruteraan dalam bidang struktur dan geoteknik serta pemantauan keselamatan empangan.</li> </ul>                                                             | <ul style="list-style-type: none"> <li>• <i>Provides engineering specialist services for structures and geotechnics as well as for dam safety monitoring</i></li> </ul>                                                |
| <b>BAHAGIAN UKUR BAHAN</b>                                                                                                                                                                                                    | <b>QUANTITY SURVEY DIVISION</b>                                                                                                                                                                                        |
| <ul style="list-style-type: none"> <li>• Menyediakan khidmat kepakaran ukur bahan dalam pengurusan kontrak bagi pelaksanaan projek-projek pembangunan.</li> </ul>                                                             | <ul style="list-style-type: none"> <li>• <i>Provides quantity surveying specialist services for contracts management in implementing development projects</i></li> </ul>                                               |
| <b>BAHAGIAN TEKNOLOGI MAKLUMAT</b>                                                                                                                                                                                            | <b>INFORMATION TECHNOLOGY DIVISION</b>                                                                                                                                                                                 |
| <ul style="list-style-type: none"> <li>• Pembangunan teknologi maklumat di JPS ke arah memenuhi matlamat pengurusan dan pentadbiran Kerajaan elektronik.</li> </ul>                                                           | <ul style="list-style-type: none"> <li>• <i>Develop information technology in DID towards fulfilling the management and administrative objectives of an electronic government</i></li> </ul>                           |
| <b>BAHAGIAN KUALITI DAN PRODUKTIVITI</b>                                                                                                                                                                                      | <b>QUALITY AND PRODUCTIVITY DIVISION</b>                                                                                                                                                                               |
| <ul style="list-style-type: none"> <li>• Peningkatan kualiti dan produktiviti bagi memastikan perkhidmatan JPS memenuhi keperluan dan kepuasan hati pelanggan.</li> </ul>                                                     | <ul style="list-style-type: none"> <li>• <i>Increase quality and productivity to ensure DID's services fulfil client's needs and satisfaction</i></li> </ul>                                                           |



### **SALIRAN DAN TEBATAN BANJIR**

- Menggubal dasar dan garis panduan untuk program-program tebatan banjir.
- Menyelaraskan pelaksanaan program-program tebatan banjir di seluruh negara.
- Memberi sokongan kepada JPS Negeri dan agensi-agensi lain dalam pelaksanaan, operasi dan penyelenggaraan projek-projek tebatan banjir
- Menjalankan kajian ke atas kejadian banjir dan merumus serta menyediakan pengkalan data mengenai banjir di seluruh negara
- Mangadakan dan memperkemas lagi mekanisma tindakbalas terhadap banjir
- Memberi sokongan dalam pembangunan institusi dan perundangan yang berkaitan dengan program-program tebatan banjir
- Memberi sokongan kepada program-program pendidikan dan kesedaran awam tentang pencegahan banjir dan kesediaan menghadapi banjir
- Meningkatkan program-program kajian dan pembangunan selaras dengan perkembangan teknologi moden dalam bidang-bidang pencegahan banjir, kawalan banjir dan kesediaan menghadapi banjir serta tindak balas kecemasan semasa banjir

### **DRAINAGE AND FLOOD MITIGATION**

- *Formulate policies and guidelines for flood mitigation programs.*
- *Coordinate nationwide implementation of flood mitigation programs.*
- *Provide support to states DID offices and other agencies in the implementation, operation and maintenance of flood mitigation projects.*
- *Conduct studies on flooding collate and maintain data base on flooding nationwide.*
- *Provide and continuously improve the response mechanism for floods events.*
- *Provide support for institutional and legal reforms relating flood mitigation programs.*
- *Provide support to education and public awareness program on flood prevention and preparedness in facing flood.*
- *Improve studies and development programs in line with modern technological development in flood prevention, flood mitigation programs and readiness in facing flood as well as emergency response during floods.*

### **KEJURUTERAAN SUNGAI**

- Menghasilkan pelan, manual dan garis panduan untuk menggalakkan pengurusan lembangan sungai secara bersepadu dan mampan untuk diguna pakai di negeri-negeri
- Merancang pemeliharaan dan pemuliharaan sungai di negeri-negeri
- Meningkatkan penghayatan dan kesedaran semua lapisan masyarakat tentang kepentingan sungai

### **RIVER ENGINEERING**

- *Produce plans, manuals and guidelines to encourage integrated river basin management and for adoption by all States.*
- *Plan preservation and conservation of State rivers.*
- *Increase public commitment and awareness by all levels of society on the importance of rivers.*



### **KEJURUTERAAN PANTAI**

- Penyediaan Pelan Pengurusan Zon Pantai Bersepadu
- Pengawalan hakisan pantai
- Pembaikan muara-muara sungai

### **COASTAL ENGINEERING**

- *Preparation of Integrated Coastal Zone Management Plans*
- *Control of coastal erosion*
- *Rehabilitation of river mouths*

### **HIDROLOGI DAN SUMBER AIR**

- Menghasilkan data dan maklumat hidrologi untuk perancangan pembangunan dan pengurusan sumber air negara
- Menyedia dan menyebarkan ramalan dan amaran banjir untuk seluruh negara

### **HYDROLOGY AND WATER RESOURCES**

- *Provision of hydrological data and information for the planning, development and management of the national water resources*
- *Provision and dissemination of flood forecasts and warnings for the whole nation*

### **PENGAIIRAN DAN SALIRAN PERTANIAN**

- Pembangunan sumber air untuk memastikan bekalan air pengairan yang mencukupi untuk tanaman padi dua musim setahun khususnya di lapan Jelapang Padi Negara seluas 210,000 hektar
- Pemodenan sistem pengairan supaya dapat menyumbang kepada peningkatan hasil padi daripada 4.0 tan/ha/musim kepada 5.5 tan/ha/musim menurut sasaran Dasar Pertanian Negara (1998-2010) dan seterusnya meningkatkan pendapatan petani
- Merancang dan merekabentuk projek saliran pertanian
- Mengurus kawasan saliran pertanian
- Menyelaras pelaksanaan projek saliran pertanian
- Menyediakan dasar, kriteria dan piawaian untuk pelaksanaan projek
- Menjalankan kajian kemungkinan
- Memberi khidmat sokongan teknikal kepada agensi-agensi di bawah Kementerian Pertanian

### **IRRIGATION AND AGRICULTURE DRAINAGE**

- *Development of water resources to ensure adequate irrigation water supply for twice a year paddy planting especially in the eight Granaries totalling 210,000 hectares.*
- *Modernise irrigation systems that can support increase in paddy production from 4.0 tonnes/ha/season to 5.5 tonnes/ha/season in line with the National Agriculture Policy (1998-2010) targets and consequently increase farmers' incomes.*
- *Plan and design agricultural drainage project.*
- *Management of agriculture drainage areas.*
- *Coordinate agricultural drainage projects implementation.*
- *Formulate policies, criteria and standards for project implementation.*
- *Conduct feasibility studies.*
- *Provide technical support services to agencies under the Ministry of Agriculture and Agro-Based Industry*

2004



- 7 Januari** Rombakan Kabinet  
Y.B. Tan Sri Dato' Haji Muhyiddin bin Haji Mohd Yassin, telah dilantik sebagai Menteri Pertanian.
- 7 January** *Cabinet reshuffle*  
*Y.B. Tan Sri Dato' Haji Muhyiddin bin Haji Mohd Yassin appointed as the Minister of Agriculture*
- 27 Mac** Kementerian Sumber Asli dan Alam Sekitar, sebuah Kementerian baru, telah ditubuhkan atas arahan Y.A.B Perdana Menteri.
- Jabatan Pengairan dan Saliran dipindahkan dari Kementerian Pertanian, selepas 72 tahun, ke Kementerian Sumber Asli dan Alam Sekitar
- 27 March** *Ministry of Natural Resources and Environment (NRE) formed as instructed by the Y.A.B Prime Minister.*
- DID moved to this new Ministry after 72 years with the MOA.*
- 31 Mac – 4 April** JPS memenangi *Gold Medal with Distinction* di *International Exhibition of Inventions, New Techniques and Products, Geneva, Switzerland*
- 31 March – 4 April** *DID won Gold Medal with Distinction at the International Exhibition of Inventions, New Techniques and Products, Geneva, Switzerland.*
- 3 - 4 April** Kejohanan Boling MAKSAS JPS 2004
- 3 – 4 April** *MAKSAS Bowling Championship 2004*
- April** Majalah H2O, buletin elektronik Malaysia yang pertama dilancarkan.
- April** *H2O, Malaysia's first electronic magazine launched*
- April – Mei** Dokumentari Sungai Warisan (Khazanah Sungai)
- April - May** *Sungai Warisan (River Heritage) Documentary*
- 2 Mei** Anugerah Maulidur Rasul 1425h/2004 - Abdul Hamid bin Abidin dari Unit Peralatan, Hidrologi dan Sumber Air JPS Cawangan Ampang telah menerima Anugerah Maulidur Rasul daripada Seri Paduka Baginda Yang Di Pertuan Agong
- 2 May** *The Maulidur Rasul Award 1425h/2004 - Abdul Hamid bin Abidin from Hydrology and Water Resources Division, DID received the Maulidur Rasul Award from HRH the Yang Di Pertuan Agong.*

2004



- 9 - 10 Mei** *World Water Day 2004 National Celebration, Kota Kinabalu, Sabah –Tema: "Air dan Bencana Alam"*
- 9 – 10 May** *"World Water 2004" National Celebration, Kota Kinabalu, Sabah- Theme: 'Water and Disasters'.*
- 22 Jun** *Program Panorama RTM Bersama Ketua Pengarah JPS - Projek SMART (Stormwater Management and Road Tunnel)*
- 22 June** *RTM Panaroma Program with the DID Director General- SMART Project (Stormwater Management and Road Tunnel).*
- 24 Jun** *Majlis Perasmian Infogaleri Sungai Golok Tengku Anis, Pengkalan Kubor, Tumpat, Kelantan oleh DYMM Sultan Kelantan*
- 24 June** *Tengku Anis Sungai Golok Infogallery, Pengkalan Kubor, Tumpat Official Opening Ceremony by HRH Sultan Kelantan*
- 24 - 28 Ogos** *Persidangan Pengurus Kanan JPS Malaysia, Kota Kinabalu, Sabah*
- 24 – 28 August** *DID Malaysia Senior Managers Conference, Kota Kinabalu, Sabah*
- 6 - 8 Oktober** *Program Majlis Penyampaian Hadiah Pertandingan Sungai Angkat Peringkat Kebangsaan 2004 di Cameron Highlands, Pahang.*
- 6 – 8 October** *Prize giving ceremony for the National Level Adopt a River Competition 2004, Cameron Highlands, Pahang.*
- 9 -11 Oktober** *Hari Q JPS Malaysia 2004 di Institut Tanah dan Ukur Negara (INSTUN), Behrang, Perak*
- 9 – 11 October** *DID Malaysia Quality Day 2004 held at the National Land and Survey Institute (INSTUN), Behrang, Perak.*
- 2 Disember** *Minggu Alam Sekitar Malaysia 2004*
- 2 December** *Perasmian oleh Y.A.B. Dato' Sri Haji Mohd. Najib bin Tun Haji Abdul Razak, Timbalan Perdana Menteri di FRIM Kepong, Kuala Lumpur*
- 26 Disember** *Bencana Alam Tsunami melanda Pulau Langkawi, Pantai Kedah dan Pantai Pulau Pinang dan Negara-Negara persisiran Lautan Hindi*
- 26 December** *Tsunami hit parts of Pulau Langkawi, Kedah and Pulau Pinang and countries along the rim of the Indian Ocean*



Jabatan Pengairan dan Saliran sentiasa memberi penekanan kepada perancangan strategik dalam menentukan arah tuju Jabatan pada masa akan datang. Dengan mengambil kira cabaran dan perubahan persekitaran yang berlaku serta persiapan bagi melangkah ke alaf baru, Pelan Perancangan Strategik yang lama (1994-2010) telah dikaji semula pada tahun 1998. Penggubalan Pelan Strategik bermula dengan Wawasan menjadikan JPS sebagai sebuah organisasi bertaraf dunia menjelang tahun 2010 yang telah dipersetujui secara perundingan oleh semua peringkat warga JPS. Sehubungan ini, JPS secara umumnya telah menganggap air sebagai bisnes JPS dan juga telah mengenal pasti 4 bisnes utama sebagai perkhidmatan JPS kepada pelanggan iaitu :

- Pengurusan dan Pembangunan Air untuk Pertanian dan Pengeluaran Makanan.
- Pengurusan dan Pembangunan Air untuk Perlindungan Nyawa dan Harta.
- Pengurusan dan Pembangunan Air untuk Pemuliharaan Alam Sekitar.
- Pengurusan dan Pembangunan Air Sebagai Satu Sumber.

Bagi setiap bisnes utama, JPS telah mengenal pasti output-output utama yang akan dihasilkan, proses-proses kerja yang akan dilaksanakan dan petunjuk prestasi yang akan diguna pakai. Penyusunan semula organisasi telah dibuat pada tahun 2000 untuk memperkemas aktiviti-aktiviti JPS supaya ianya lebih fokus kepada pelaksanaan bisnes-bisnes utama serta penumpuan kepada akauntabiliti.

JPS telah juga menggubal nilai-nilai korporat Jabatan untuk diterapkan di kalangan semua warga Jabatan sebagai satu budaya kerja iaitu kualiti, integriti dan keprihatinan. Penggubalan nilai-nilai korporat ini telah mengambil kira aspek fizikal dan pembangunan diri dengan tujuan memberikan kepuasan hati kepada pelanggan-pelanggan dan kepuasan kerja kepada warga JPS.




*The Department of Irrigation and Drainage continuously emphasizes on strategic planning in the determining future direction. Taking into consideration the challenges and environmental changes in the new millennium, the previous Strategic Planning Plan (1994-2010) was reviewed in 1998. The formulation of the Strategic Plan began with the vision of making DID a world class organization by 2010. This is with the consensus agreement by staffs of DID. In addition DID considers water as its business and has identified four core businesses. They are:*

- *Management and development of water for agriculture and food production*
- *Management and development of water for protection lives and properties*
- *Management and development of water for environmental conservation*
- *Management and development of water as a resource*

*For every core business, the DID has identified the main outputs, work processes to be implemented and performance indicators to be used. An organization restructuring was completed in 2000 to revamp DID activities to be more focused to its main businesses and accountability.*

*DID has also formulated departmental corporate values for assimilation by staff as a work culture, encompassing quality, integrity and care. These corporate values take into consideration the physical and self-development aspects with the aim of achieving clients and staffs satisfaction.*

# Laporan Korporat



# Corporate Report

## PENGENALAN

Tahun 2004 merakamkan beberapa perkara penting yang berlaku dalam catatan Jabatan. Susulan penyusunan semula Jentera Pentadbiran Kerajaan yang melibatkan beberapa Kementerian, JPS telah dipindahkan daripada Kementerian Pertanian kepada Kementerian Sumber Asli dan Alam Sekitar, iaitu salah sebuah Kementerian yang baru diwujudkan berikutan keputusan Kabinet.

Walau bagaimanapun, setelah melalui beberapa perbincangan antara Kementerian Pertanian dan Industri Asas Tani (MOA), dan Kementerian Sumber Asli dan Alam Sekitar (NRE), Kerajaan telah bersetuju untuk mengembalikan semula Bahagian Pengairan dan Saliran Pertanian ke MOA.

Berikutan rombakan ini, daripada 63 butiran kewangan asal projek-projek pembangunan JPS, sebanyak 51 butiran pembangunan di kawal oleh NRE manakala 12 butiran lagi dikekalkan di bawah MOA. Dua belas butiran tersebut yang dipantau oleh MOA adalah yang berkaitan secara langsung dengan aktiviti pertanian.

Tempoh RMKe-8 (Tahun 2001-2005), merupakan satu cabaran besar kepada JPS. JPS telah dipertanggungjawabkan untuk melaksanakan projek Tebatan Banjir dan projek pengairan utama di negeri-negeri seperti berikut:

|     | Projek                          | Kos Projek (RM)   |
|-----|---------------------------------|-------------------|
| i   | RTB Lembah Kelang               | 1,272 juta        |
| ii  | RTB Sungai Muda, Kedah          | 500 juta          |
| iii | RTB Sungai Perai, P.Pinang      | 280 juta          |
| iv  | RTB MSC                         | 960 juta          |
| v   | Projek SMART                    | 2,218 juta        |
| vi  | Kolam Takungan Batu dan Jinjang | 850 juta          |
| vii | Empangan Beris, Kedah           | 558 juta          |
|     | <b>Jumlah</b>                   | <b>6,638 juta</b> |

## INTRODUCTION

*The year 2004 recorded another significant event in the history of the DID. On 27 May 2004, the DID was moved from the Ministry of Agriculture after 72 years to the newly formed Ministry of Natural Resources and Environment (NRE). This followed the restructuring of the Government machinery by the Cabinet formed after the 11th General Elections held on 21 March 2004.*

*Subsequently, after deliberations between Ministry of Agriculture and Agro-Based Industry (MOA) and Ministry of Natural Resources and Environment, it was agreed that the Irrigation and Agriculture Drainage Division be placed under the MOA.*

*As a result of this, out of the 63 original budget votes headings pertaining development projects, 51 were assigned under the control of NRE and the remaining 12 remained with MOA. These 12 headings are for those projects directly related to agriculture development.*

*The Eighth Malaysia Development Plan (2001-2005) provided interesting challenges for the Department. Among the major projects under various stages of implementation are the Flood Mitigation Main Projects and irrigation projects as follows:*

|     | Project                    | Cost of Project (RM) |
|-----|----------------------------|----------------------|
| i.  | Lembah Kelang FMP          | 1,272 mil            |
| ii  | Sungai Muda, Kedah FMP     | 500 mil              |
| iii | Sungai Perai, P.Pinang FMP | 280 mil              |
| iv  | MSC FMP                    | 960 mil              |
| v   | SMART Project              | 2,218 mil            |
| vi  | Batu and Jinjang Ponds     | 850 mil              |
| vii | Beris Dam, Kedah           | 558 mil              |
|     | <b>Total</b>               | <b>6,638million</b>  |

## PENCAPAIAN

JPS telah mengharumkan nama negara apabila Inovasi yang dicipta oleh JPS telah memenangi Pingat Emas dengan Kepujian di 32nd International Exhibition of Inventions, New Techniques and Products di Geneva, Switzerland pada 31 Mac hingga 4 April 2004. JPS telah mencipta Geo-protect KSN 1/2000 produk yang digunakan untuk mengawal hakisan cerun. Produk ini dikategorikan di bawah kelas D iaitu Building-Architecture-Civil Engineering-Construction-Materials-Woodwork.

Sebanyak 16 buah negara telah menyertai pertandingan ini antaranya Rusia, Perancis, Sepanyol, Jerman, Korea Utara, Malaysia, Luxemborg, Austria, Switzerland, Italy, Hungary, Belgium, Poland, Croatia, Romania serta Mali dan 34 produk telah dipertandingkan. Pasukan inovasi diwakili oleh warga JPS Pulau Pinang iaitu En. Mat Supri bin Kasa, En. Nasehir Khan E.M. Yahya dan En. Kamarol Baharim bin Mohd Saad sebagai Pereka manakala Penasihat pasukan adalah Dr. Mohamed Roseli bin Zainal Abidin, Ir. Mohd Abdul Nassir bin Bidin dan Dr. Md Nasir bin Md Noh.

### Bilangan Penerima Anugerah Perkhidmatan Cemerlang bagi Tahun 2004

| Bil | Kategori                                | 2004      |
|-----|-----------------------------------------|-----------|
| 1   | Kumpulan A – Pengurusan dan Profesional | 18        |
| 2   | Kumpulan B & C – Sokongan I             | 44        |
| 3   | Kumpulan D – Sokongan II                | 25        |
|     | <b>JUMLAH</b>                           | <b>87</b> |

## ACHIEVEMENTS



DID did the Nation proud when its innovation won the Gold Medal with honours in the 32nd International Exhibition of Inventions, New techniques and Products in Geneva, Switzerland from 31 March to 4 April 2004. DID invention is Geo-protect KSN 1/2000 product for use in slope erosion control. This product is categorised under class D: Building-Architecture, Civil Engineering Construction-Materials-Woodwork. A total of 16 countries participated in this competition. They were Russia, French, Spain, Germany, North Korea, Malaysia, Luxembourg, Austria, Switzerland, Italy, Hungary, Belgium, Poland, Croatia, Rumania and Mali. A total of 34 products competed. This innovation team was from DID Pulau Pinang. The team comprised Mr. Mat Supri bin Kasa, Mr. Nasehir Khan E.M. Yahya and Mr. Kamarol Baharim bin Mohd. Saad. The team advisors were Dr. Mohamed Roseli bin Zainal Abidin, Ir. Mohd. Abdul Nassir bin Bidin and Dr. Md Nasir bin Md. Noh.

### Number of Recipients for Excellent Service Award for Year 2004

| Nos | Category                              | 2004      |
|-----|---------------------------------------|-----------|
| 1   | Group A – Professional and Management | 18        |
| 2   | Group B and C – Supporting 1          | 44        |
| 3   | Group D – Supporting II               | 25        |
|     | <b>TOTAL</b>                          | <b>87</b> |





## LAPORAN KEWANGAN

Tahun 2004 juga mencatatkan prestasi kewangan yang agak rendah berbanding dengan tahun-tahun yang sebelumnya. Pencapaian kewangan sebanyak 48.5% ini antara lain disebabkan oleh keputusan Kerajaan yang mengubah kaedah pembiayaan tiga Projek Besar yang sedang giat dilaksanakan. Pembiayaan kontrak-kontrak ini dipindahkan kepada kaedah bayaran secara tertunggak, *deferred payment* melalui pelaksanaan *Private Financing Initiatives (PFI)*. Susulan perubahan kaedah pembiayaan tersebut, siling Rancangan Malaysia Ke Lapan JPS telah ditarik keluar sebanyak RM514.8 juta. Tiga Projek Besar di bawah Rancangan Tebatan Banjir itu adalah :-

- (a) Rancangan Tebatan Banjir Sg Muda- RM172.8 juta
- (b) Projek Mengatasi Banjir di Kuala Lumpur Pakej A (SMART) - RM110.8 juta
- (c) Projek Mengatasi Banjir di Kuala Lumpur Pakej B (Batu/Jinjang Ponds) - RM231.2 juta

Agihan semula siling sebanyak RM469.8 juta untuk projek-projek Rancangan Tebatan Banjir yang lain dan lain-lain projek kecil lambat diterima menyebabkan peruntukan tidak sempat dibelanjakan pada tahun 2004.

JPS telah memohon untuk membuat serahan balik peruntukan tahunan sebanyak RM454 juta kepada NRE dan Perbendaharaan. Walau bagaimanapun sehingga ke penghujung tahun, peruntukan tersebut tidak dapat diterima semula oleh Perbendaharaan dan ini telah menyumbang kepada pekiraan prestasi kewangan yang agak rendah iaitu sebanyak 48.5% sahaja. Salah satu faktor lagi yang menyebabkan prestasi kewangan yang agak rendah dari segi peratusan ialah pada tahun 2003, Jabatan telah diberi kuasa untuk berbelanja lebih oleh Kementerian Kewangan melalui surat KEW: KSP 13/11/2003/Jld J1 bertarikh 13 November 2003. Susulan itu, sebanyak RM183.8 juta yang sepatutnya dibelanjakan tahun 2004 telahpun dibelanjakan awal dalam tahun 2003.

Kedudukan semasa Siling Rancangan Malaysia Kelapan (RMKe-8), pada tahun 2004 setelah ditarik keluar dan dibuat penambahan semula adalah sebanyak **RM2.426 bilion**.

Perbelanjaan sebenar terkumpul yang dicatatkan untuk tahun 2001-2003 adalah sebanyak **RM1.757 bilion**. Peruntukan tahun 2004 yang diluluskan pula adalah **RM839.02 juta** bagi melaksanakan sejumlah 511 sub-projek yang dijalankan oleh sejumlah 570 kontraktor. Prestasi kewangan yang dicatatkan bagi tahun berakhir 2004 adalah sebanyak RM407.04 juta iaitu bersamaan 48.5%.

## FINANCIAL REPORT

*The financial achievement for 2004 was 48.5% and is low compared to previous years. There are two reasons for this. The first is that although financial allocations were provided for three major projects, their financing mode was changed from that financed through this allocation to a deferred payment scheme under the Private Funding Initiatives (PFI). The total amount under this PFI was RM514.8 and involving major flood mitigation projects as follows:*

- (a) Sg. Muda Flood Mitigation Plan- RM172.8 million*
- (b) Kuala Lumpur Flood Mitigation Project- Package A (SMART)- RM110.8 million*
- (c) Kuala Lumpur Flood Mitigation Project- Package B (Batu/Jinjang Ponds)- RM231.2 million*

*It was not possible to redistribute the expenditure ceiling of RM469.8 million for other flood mitigation projects as well as other small scale projects and thus the allocation was not able to be utilised in 2004.*


*The DID had applied to NRE and Treasury to redistribute RM454 million but due to technical reasons, this could not be made in time. This is an extraordinary excess allocation and led to a low performance percentage of 48.5%.*

*The other reason for this low percentage is that the Department was empowered to expend allocations for 2004 in 2003 vide Ministry of Finance circular KEW: KSP 13/11/2003/ Jld J1 dated 13 November 2003. A total of RM183.8 million planned for expenditure in 2004 was expended in 2003.*

*The financial ceiling for the Eighth Malaysia Plan (RMKe-8) in 2004 was, after adjustments, **RM2.426 billion**.*

*The total actual expenditure recorded for years 2001-2003 was **RM1.757 billion**. For 2004, **RM839.02 million** was approved. This allocation was for the implementation of 511 sub-projects undertaken by 570 contractors. The total expenditure for 2004 was RM407.04 million.*

**PRESTASI KEWANGAN 2004 / 2004 FINANCIAL PERFORMANCE**



**Pembahagian Peruntukan Program-Program JPS**  
**DID Programs Financial Allocation Distribution**

**Ringkasan Perbelanjaan 2004 / Summary of 2004 Expenditure**

| Program                      | Peruntukan<br>Allocation<br>RMKe 8<br>(RM) | Peruntukan<br>Allocation<br>2004<br>(RM) | Perbelanjaan Sebenar<br>Actual Expenditure<br>2004<br>(RM) |
|------------------------------|--------------------------------------------|------------------------------------------|------------------------------------------------------------|
| JPS Malaysia<br>DID Malaysia | 2,426,152,841                              | 839,017,610                              | 407,035,021                                                |

**Penunjuk Prestasi Kewangan Mengikut Program / Financial Performance Indicator by Programs**

| Program                                                               | Peruntukan<br>Allocation<br>2004<br>(RM)                                                                                                                      | Perbelanjaan Sebenar<br>Actual Expenditure<br>2004<br>(RM) | Peratus Pencapaian<br>Achievement<br>Percentage<br>(%) |
|-----------------------------------------------------------------------|---------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------|------------------------------------------------------------|--------------------------------------------------------|
| Saliran & Tebatan Banjir<br>Drainage & Flood Mitigation               | 684,676,210                                                                                                                                                   | 305,292,226                                                | 44.6%                                                  |
| Kejuruteraan Sungai<br>River Engineering                              | 27,989,090                                                                                                                                                    | 27,123,459                                                 | 96.9%                                                  |
| Kejuruteraan Pantai<br>Coastal Engineering                            | 42,517,510                                                                                                                                                    | 26,055,399                                                 | 61.3%                                                  |
| Hidrologi & Sumber Air<br>Hydrology & Water Resources                 | 59,268,700                                                                                                                                                    | 31,935,135                                                 | 53.9%                                                  |
| Pengairan & Saliran Pertanian<br>Irrigation & Agriculture<br>Drainage | Waran peruntukan dipindahkan ke Kementerian Pertanian & Industri Asas Tani<br>Allocation warrant transferred to Ministry of Agriculture & Agro-Based Industry |                                                            |                                                        |
| Lain-lain<br>Others                                                   | 24,566,100                                                                                                                                                    | 16,628,802                                                 | 67.6%                                                  |
| <b>Jumlah<br/>Total</b>                                               | <b>839,017,610</b>                                                                                                                                            | <b>407,035,021</b>                                         | <b>48.5%</b>                                           |

## **Tinjauan Program Utama**



## **Review of Major Programs**



Pengarah / Director



Ir. Teh Siew Keat

## **A. PANDANGAN KESELURUHAN**

Negara kita akan terus membangun dengan pesatnya khususnya di beberapa bandar utama. Pembangunan yang tidak terkawal dengan baik di sesetengah kawasan telah mengakibatkan banjir kilat yang serius pada 26 April 2001, 11 Jun 2002 dan 10 Jun 2003. Ternyata untuk menebat banjir, pendekatan kejuruteraan semata-mata belum tentu memadai. Maka dalam tahun 2000, JPS telah mengutarakan konsep dan pendekatan baru untuk menangani masalah banjir melalui Manual Saliran Mesra Alam (MASMA). Falsafah dan garis panduan yang menjadi teras pengurusan banjir ialah "kawalan di punca". MASMA telah berkuatkuasa mulai tahun 2000.

## **B. PROGRAM-PROGRAM**

### **B.1 Projek Pengurusan Air Banjir dan Terowong Jalan (SMART)**

Projek SMART ini telah diluluskan dalam Rancangan Malaysia Kelapan (RMKe-8). Anggaran kos termasuk kos pengambilan balik tanah ialah RM2,169.4 juta. Tujuan projek ini adalah untuk menangani masalah banjir di pusat Bandaraya Kuala Lumpur (*stormwater channel*) serta mengatasi masalah kesesakan lalu lintas (*road tunnel*).

Projek ini melibatkan pembinaan kerja-kerja mencegah banjir dan komponen jalan raya seperti berikut :

- Pembinaan struktur melencong air larian banjir di bahagian hilir pertemuan Sg. Ampang dengan Sg. Klang.
- Pembinaan sebuah kolam penahanan (*holding pond*) di Kg. Berembang.
- Terowong lencongan banjir (*flood bypass tunnel*) sepanjang 9.7 km dengan garis pusat dalaman 11.8m dari Kg. Berembang ke kolam bekas lombong Taman Desa.
- Menaiktaraf kolam bekas lombong di Taman Desa untuk dijadikan sebagai kolam takungan simpanan (*storage reservoir*).
- Pembinaan *twin box culvert outlet structure* sepanjang 490m dari kolam takungan Taman Desa ke Sg. Kerayong
- Kerja menaiktaraf (*Channelisation*) Sg. Kerayong sepanjang 1.8km
- Pembinaan jalanraya dua tingkat sepanjang 3.0km dalam terowong

## **A. OVERVIEW**

*Urban drainage and flood mitigation system development unfortunately were not in tandem with the rapid urban development around the country. As a result there are frequent occurrences flash floods in many cities and towns. Some of the more serious events occurred on 26 April 2001, 11 June 2002 and 10 June 2003. Whilst specific flood mitigation projects are necessary to address these problems, in the long term a preventive approach is the preferred strategy. This is in the form of an environmentally friendly approach introduced in year 2000 and promoted through the Manual Saliran Mesra Alam (MASMA). By 2004 this "control-at-source" approach to manage excess surface flow is quite well adopted by Local Authorities around the country as well as by housing developers.*

## **B. PROGRAMS**

### **B.1 Stormwater Management and Road Tunnel Project (SMART)**

*This Kuala Lumpur Flood Mitigation Project Package A, also known as the SMART project, was approved in the Eight Malaysia Plan. The estimated cost including land acquisition is RM2, 169.4 million. This is a unique project combining flood water diversion with traffic route through a common tunnel.*

*This project involves the construction of the following flood mitigation and road traffic components:*

- Flood diversion structure at the confluence of Sg. Ampang and Sg. Klang.*
- A holding pond at Kg. Berembang*
- An 11.8 m diameter flood bypass tunnel 9.7km long from Kg. Berembang to ex-mining pond at Taman Desa.*
- Upgrading the ex-mining pond at Taman Desa to be used as a flood detention reservoir.*
- Construction of 490m long twin box culvert outlet structure the Taman Desa pond to Sg. Kerayong.*
| 4      | RTB Sg. Prai Pakej 2<br><i>Sg. Prai Package 2 FMP</i>                  | 4      | Naiktaraf pam Pinang Tunggal<br><i>Upgrading Pinang Pump House</i>                     |
| 5      | RTB Georgetown S-10<br><i>Georgetown S-10 FMP</i>                      | 5      | Sg. Golok                                                                              |
| 6      | RTB Georgetown S-18<br><i>Georgetown S-18 FMP</i>                      | 6      | Projek Pembinaan Kapal Korek<br><i>Dredger Construction Project</i>                    |
| 7      | RTB Kuala Lumpur<br><i>Kuala Lumpur FMP</i>                            | 7      | Projek Pembersihan Sg. Pinang<br><i>Sg. Pinang Cleaning Project</i>                    |
| 8      | SMART                                                                  | 8      | Projek-projek Bangunan di bawah Kementerian<br><i>Buildings project under Ministry</i> |
| 9      | Dato Keramat                                                           | 9      | Pembinaan Empangan Beris<br><i>Beris Dam Construction</i>                              |
| 10     | Rantau Panjang, Selangor                                               | 10     | Menaik taraf Rumah Pam Bogak<br><i>Upgrading Bogak Pump House</i>                      |
| 11     | RTB Sri Serdang<br><i>Sri Serdang FMP</i>                              | 11     | Skim Seberang Perak<br><i>Seberang Perak Scheme</i>                                    |
| 12     | Sg. Pari                                                               | 12     | Naiktaraf pam Pinang Tunggal<br><i>Upgrading Pinang Tunggal Pump</i>                   |
| 13     | Projek-Projek RTB MSC<br><i>MSC FMP Projects</i>                       |        |                                                                                        |

### C. AKTIVITI BUKAN TEKNIKAL

#### C.1 ISO 9001 : 2000

Aktiviti tahun 2004 bagi Persijilan ISO 9001: 2000 yang telah dijalankan adalah seperti berikut:

|                                                                                                                                                           |                                                      |                                                                                                                                                                    |
|-----------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------|------------------------------------------------------|--------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------|
| Perkhidmatan merebentuk memasang dan mengujijalan sistem pam air selam elektrik<br><i>Design, Install and test electric submersible water pump system</i> | BPME, Ipoh<br><br><i>BPME, Ipoh</i>                  | ISO 9001:2000 SIRIM sijil sah sehingga 28.10.2007<br><br><i>ISO 9001:2000 SIRIM certification valid until 28.10.2007</i>                                           |
| Perkhidmatan di Bengkel BPM dan kerja-kerja servis pintu air<br><i>BPM Workshop Service and Servicing Control Gates</i>                                   | JPS Johor, Batu Pahat<br><i>DID Johor Batu Pahat</i> | OHSAS 18000:JPS; sijil sah hingga 4.10.2007<br><br><i>OHSAS 18000: DID; certificaion valid until 4.10.2007</i>                                                     |
| Perkhidmatan penyelenggaraan pintu kawalan air pasang surut<br><i>Tidal control gate maintenance service</i>                                              | JPS Selangor<br><i>DID Selangor</i>                  | Conversion dari sijil ISO 9000:1994 :MAMPU ke ISO 9000 proses audit dokumen<br><i>Conversion from ISO 9000:1994: MAMPU to ISO 9000 documentation audit process</i> |
| Perkhidmatan penyelenggaraan pam-pam pengairan<br><i>Irrigation Pumps Maintenance Service</i>                                                             | JPS Kedah<br><br><i>DID Kedah</i>                    | ISO 9001:2000:JPS dalam proses audit pematuhan<br><br><i>ISO 9001:2000: DID in the process of compliance audit</i>                                                 |

#### C.2 OHSAS 18001 : 1999

##### Sistem Pengurusan Keselamatan dan Kesihatan Pekerjaan JPS Malaysia

Program Sistem Pengurusan Keselamatan dan Kesihatan Pekerjaan Malaysia telah dijalankan dengan kerjasama JPS negeri-negeri berikut;

1. JPS Kedah, Sg.Petani pada 21/6/04
2. JPS Selangor, Shah Alam pada 17/8/04
3. JPS Pulau Pinang, George Town pada 15/12/04
4. JPS Terengganu, Kuala Terengganu pada 28/12/04

Kertas kerja bertajuk "Kemajuan Perlaksanaan Sistem Pengurusan Kesihatan dan Keselamatan Pekerjaan di JPS Malaysia" mengikut Standard OHSAS 18001:1999 telah dibentangkan di Seminar Teknikal JPS DICODE Ipoh anjuran JPS BPME Ibu Pejabat pada 16/12/04. Ia telah dibentangkan oleh Ir. Hj. Zainol Abidin Bin Mahmud Penolong Pengarah Kanan JPS BPME Kuala Lumpur.

Bahagian Perkhidmatan Mekanikal, JPS Johor telah dianugerahkan Sijil Pengesahan Sistem Pengurusan Kesihatan dan Keselamatan Pekerjaan oleh Ketua Pengarah JPS Malaysia pada 11/10/04. Ini kerana ia menepati OHSAS 18001:1999 – *Occupational Health and Safety Management System – Specification* dengan skop persijilan 'Menjalankan Aktiviti di Bengkel dan Penyelenggaraan Pintu Air JPS Negeri Johor.

#### C.3 Khidmat Pakar / I.T

Antara aktiviti yang telah dijalankan oleh unit ini sepanjang tahun 2004 adalah:

1. **Laman Web Bahagian Perkhidmatan Mekanikal dan Elektrikal**  
Laman web Bahagian ini dikemaskini secara berterusan.

### C. NON-TECHNICAL ACTIVITIES

#### C.1 ISO 9001: 2000

In 2004, the activities administered for ISO 9001: 2000 certification were as follows:

|                                                                                                                                                                    |
|--------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------|
| ISO 9001:2000 SIRIM sijil sah sehingga 28.10.2007<br><br><i>ISO 9001:2000 SIRIM certification valid until 28.10.2007</i>                                           |
| OHSAS 18000:JPS; sijil sah hingga 4.10.2007<br><br><i>OHSAS 18000: DID; certificaion valid until 4.10.2007</i>                                                     |
| Conversion dari sijil ISO 9000:1994 :MAMPU ke ISO 9000 proses audit dokumen<br><i>Conversion from ISO 9000:1994: MAMPU to ISO 9000 documentation audit process</i> |
| ISO 9001:2000:JPS dalam proses audit pematuhan<br><br><i>ISO 9001:2000: DID in the process of compliance audit</i>                                                 |

#### C.2 OHSAS 18001: 1999

##### The Occupational Health and Safety Management System of DID Malaysia

The Occupational Health and Safety Management System Program in Malaysia was administered in collaboration with the following State DID offices:

1. Kedah DID, Sg. Petani on 21/6/04
2. Selangor DID, Shah Alam on 17/8/04
3. Pulau Pinang DID, George Town on 15/12/04
4. Terengganu DID, Kuala Terengganu on 28/12/04

A paper entitled "The Implementation Progress of Occupational Health and Safety Management System Program in JPS Malaysia" based on OHSAS 18001:1999 Standard was presented at DID Technical Seminar in DICODE Ipoh on 16 December 2004. It was presented by Ir. Hj. Zainol Abidin bin Mahmud, Senior Assistant Director DID MESD Kuala Lumpur.

The Mechanical and Electrical Services Division, DID Johor was awarded the Confirmation Certificate for Occupational Health and Safety Management System by the Director General DID Malaysia on 11 October 2004. This is for OHSAS 18001:1999 – *Occupational Health and Safety Management System Specification* for the scope for "Conducting Workshop Activities and Control Gate Maintenance for DID Johor.

#### C.3 Specialist Services/I.T

The activities conducted by the Unit throughout 2004 are as follows:

1. **Electrical and Mechanical Division Website**  
The Electrical and Mechanical Division Website is updated continuously.



## 2. ICT Procurement

The ICT procurement exercise covered planning of IT needs for the years 2005 to 2007. It includes five major categories. They are:

- Computer facilities and training for every personnel
- Computer replacement program.
- Replacement of notebooks, scanners, printers and other accessories.
- Software upgrading
- Computer system development as per ICT Strategic Plans.

## 2. Perolehan ICT

Perolehan ICT melibatkan aktiviti perancangan keperluan komputer bagi Bahagian Mekanikal dan Elektrikal (BPME) untuk tahun 2005 sehingga 2007. Ia melibatkan 5 kategori utama iaitu:

- Keperluan komputer untuk setiap personel dan keperluan latihan.
- Keperluan komputer untuk penggantian komputer mikro mengikut kategori jawatan.
- Penggantian *notebook*, *scanner*, *printer* dan lain-lain.
- Keperluan komputer untuk menaiktaraf perisian.
- Keperluan komputer untuk pembangunan sistem mengikut Pelan Strategik ICT (ISP).

## 3. Perancangan Pembangunan Aplikasi Dalam Pelan Strategik ICT

Pemantauan program pelaksanaan sistem-sistem di dalam Pelan Strategik ICT telah melibatkan sistem *Mechanical & Electrical Info System* (MEIS), Sistem Automasi Pintu Air Pasang Surut dan Pam, Sistem Pengurusan Aset (SIKAT) dan Sistem E-Penyenggaraan Loji.

## 4. Geographical Information System (GIS)

*Data Dictionary GIS* yang piawai telah diwujudkan untuk digunakan bagi membangunkan pangkalan data bagi sistem Aplikasi Geografi (GIS).

### C.4 Unit Elektrik

Unit elektrik terus memberi khidmat mengendali dan mengawalselia pemasangan elektrik yang dikendalikan oleh JPS. Ini bagi memastikan setiap pemasangan yang dilakukan adalah menepati standard dan spesifikasi minimum serta menaksir dan meluluskan pemasangan atau kelengkapan elektrik. Kajian juga dibuat untuk memastikan tahap kepuasan dan pengurusan tenaga elektrik yang berkesan kepada penggunaannya.

Latihan bagi meningkatkan tahap pengetahuan dan ilmu tentang elektrik juga dilaksanakan untuk pegawai-pegawai JPS.

### C.5 Unit Pengurusan Aset

Di antara program yang telah dilaksanakan pada tahun 2004 ialah:

- Pemodenan infrastruktur stor dan aset jabatan  
Sebuah stor baru telah dibina dengan kos RM186,000 di negeri Perlis.



## 3. Planning of Application Development in ICT Strategic Planning

The monitoring program for systems implementation under the ICT Strategic Plans involved the Mechanical and Electrical Information System, Tidal Waves Warning System, Automated Control Gates and Pumping System, Asset Management System (SIKAT) and e-Equipment Maintenance System.

## 4. Geographical Information System (GIS)

A standard GIS Data Dictionary was formulated for data base development under the Geographical Information System (GIS) Application.

### C.4 Electrical Unit

The Electrical Unit provides services for maintenance and supervision of electrical wiring for the DID. This is to ensure standards and minimum specification compliance. This Unit also evaluates and approves wiring and electrical appliances. Studies were also conducted to ensure satisfaction level and effective electrical energy management for clients.

*Training of DID officers to increase knowledge about electricity was implemented.*





2. Sistem aset on-line dan penggunaan sistem barkod untuk Jabatan Pengairan dan Saliran Malaysia.  
Sistem barkod ini diwujudkan untuk menyeragamkan sistem kod barangan. JPS Ibu Pejabat dan BPM, Ipoh telah dipilih sebagai *pilot project*. Kemasukan data telah hampir siap di Ibu Pejabat, manakala di BPM, Ipoh lebih 1,000 item sudah dimasukkan sehingga akhir tahun 2004.
3. Pelupusan  
Pada tahun 2004, program pelupusan telah berjalan dengan lancar dan sebanyak enam belas buah jengkaut telah dapat dilupus dan jumlah kutipan jualan bagi harta modal tersebut ialah sebanyak RM168,898.

#### **C.6 Unit Pengurusan Pentadbiran dan Sumber Manusia**

Kedudukan perjawatan pada tahun 2004 berjumlah 147 orang mengikut waran perjawatan yang diluluskan. Daripada jumlah tersebut, sebanyak 126 jawatan diisi.

#### **C.7 Unit Pengurusan Kewangan**

Bagi tahun 2004, jumlah peruntukan Belanja Mengurus di bawah kod objek 10,000 yang telah diluluskan ialah RM2,313,003.37. Daripada jumlah tersebut sebanyak RM2,365,436.35 telah dibelanjakan iaitu sebanyak 102.27%. Perbelanjaan yang berlebihan ini adalah kerana bonus satu bulan gaji oleh kerajaan.

Bagi tahun 2004, jumlah peruntukan perbelanjaan pembangunan di bawah kod projek 14800001 ialah sebanyak RM900,000, kod projek 14900001 sebanyak RM700,000 dan kod projek 13600001 sebanyak RM500,000 dan jumlah perbelanjaan keseluruhan bagi ketiga – tiga kod projek ialah 100%.

#### **C.5 Asset Management Unit**

*Among the programs implemented in year 2004 were:*

1. Modernization of Store Infrastructure and Departmental Asset  
*A new store was built with a total cost of RM186,000.15 in Perlis.*
2. Asset on-line System and Barcode System Application for DID  
*The Barcode System was introduced to standardize the asset coding system. The DID Headquarters and BPM, Ipoh were selected for the pilot projects. The data entry is nearing completion for the Head Office. For BPM, Ipoh more than 1,000 items were keyed-in by the end of 2004.*
3. Write-offs  
*In year 2004, an asset write-off exercise was conducted. A total of sixteen tractors were written-off through open bidding. The total recouped was RM168, 898.00.*

#### **C.6 Administration and Human Resource Unit**

*In 2004, a total of 147 posts were approved and 126 of these posts were filled.*

#### **C.7 Finance Unit**

*In 2004, the total allocation for Administrative budget approved was RM2, 313,003.37. Out of this, a total of RM2, 365,436.35 (102.27%) was expended. The extra expenditure was due to the one month bonus given by the Government.*

*In 2004, the total allocation for development was RM2.1 million. All this allocation (100%) was expended in 2004.*

**Pengarah / Director**



**Ir. Lee Loke Chong**

**A. PANDANGAN KESELURUHAN**

Fungsi utama bahagian ini ialah memberi khidmat kepakaran kepada JPS Negeri dan bahagian lain dalam JPS dalam menangani masalah kepada struktur dan juga perkara yang berkaitan dengan masalah kejuruteraan geoteknik. Ini termasuk operasi, pengawasan, pemantauan dan penilaian aspek keselamatan empangan dan struktur-struktur utama di samping menyediakan rekabentuk bagi bangunan untuk Jabatan lain di bawah Kementerian Pertanian dan Industri Asas Tani termasuk prasarana bagi Taman Pertanian.

**B. UNIT-UNIT**

**B.1 Unit Hidraulik**

Sepanjang tahun 2004, Unit Hidraulik telah menyiapkan rekabentuk untuk satu projek dan memberi sembilan belas khidmat nasihat teknikal yang mana enam adalah untuk projek-projek baru yang utama.

**Projek yang telah siap direkabentuk**

Projek yang telah siap direkabentuk pemulihan benteng di Sungai Kajang, Mukim Tanjung Karang, Kuala Selangor. JPS Kuala Selangor melaksanakan projek 'Cadangan Membina Sebuah Kunci Air dan Sebuah Jambatan Trafik Sederhana (MTB)' di Sungai Kajang dan semasa pembinaan keruntuhan benteng akibat gelinciran telah berlaku. Unit ini telah menyiasat punca kegagalan dan mencadangkan kerja pemulihan.

**Perkhidmatan Nasihat Teknikal**

Enam projek utama yang berkaitan adalah seperti berikut:

1. RTB KL – *Stormwater Management and Road Tunnel (SMART)*, Kuala Lumpur.
2. RTB Sungai Muda, Kedah
3. RTB Sungai Perai, Pulau Pinang.
4. RTB Bertam/Kepala Batas, Pulau Pinang.
5. Projek Pembersihan dan Rawatan Air Sungai Pinang, Pulau Pinang.
6. Projek Kolam Takungan Banjir Berhampiran Flat Seri Johor, Johor.

**A. OVERVIEW**

*This division provides specialist engineering services particularly related to hydraulics, structural and geotechnical design reviews and problem solving. It also provides dam safety monitoring services for all dams operated by the DID and undertake design of buildings and the Agriculture Park for Departments and Agencies under the MOA.*

**B. THE UNITS**

**B.1 Hydraulic Unit**

*In 2004, the Hydraulic Unit completed one project design and provided technical advisory services for 19 projects (including 6 new projects).*

**Project**

*A slope failure occurred during the construction of a control gate and a medium traffic bridge (MTB) at Sg. Kajang, Tanjung Karang District in Kuala Selangor. This cause of failure was investigated and subsequently a design was proposed to overcome the problem.*

**Technical Advisory Service**

*Technical advisory services were provided for the following main projects:*

1. *Kuala Lumpur Flood Mitigation Project - the Stormwater Management and Road Tunnel (SMART) Project.*
2. *Sungai Muda Flood Mitigation Project, Kedah*
3. *Sungai Perai Flood Mitigation Project, Pulau Pinang*
4. *Bertam/ Kepala Batas Flood Mitigation Project, Pulau Pinang*
5. *Sungai Pinang clean-up and revitalisation project, Pulau Pinang*
6. *Seri Johor Flats Flood Detention Pond, Kuala Lumpur.*

### Keja-kerja Lain

Unit ini telah membangunkan sistem pengurusan dokumen digital. Pada tahun 2004, kerja penambahbaikan telah dibuat untuk dua sub-sistem sedia ada iaitu e-PLAN (Sistem Pengurusan Pelan Elektronik Secara On-Line) dan e-PHOTO (Sistem Pengurusan Gambar Digital Secara On-Line). Pembangunan dua sub-sistem baru juga telah siap iaitu e-InfoTECH (Sistem Pengurusan Dokumen Teknikal Elektronik Secara On-Line) dan e-DesignFILE (Sistem Pengurusan Fail Rekabentuk Elektronik Secara On-Line). Enam pegawai telah dilatih untuk menggunakan sistem ini

Selain dari itu, sistem CAD seperti kerja-kerja penambahbaikan serta dokumentasi dan latihan secara dalaman bagi memastikan penghasilan pelan-pelan kejuruteraan yang berseragam dan berkualiti juga dilaksanakan.

### B.2 Unit Struktur

Unit Struktur sedang menjalankan kerja rekabentuk semula projek Empangan dan Kolam Air Pusat Penyelidikan Perikanan Air Tawar di Gelami Lemi, Negeri Sembilan. Kerja pengubahsuaian ke atas rekabentuk asal dibuat untuk mengambil kira beberapa pembangunan yang baru.



Unit ini telah mengesan masalah keretakan di struktur alur limpah di Empangan Batu, Kuala Lumpur dan telah mencadangkan kerja pembaikan. Dalam tahun 2004, kerja pembaikan telah siap. Unit ini juga terlibat dalam memberi ulasan terhadap perancangan dan rekabentuk beberapa projek baru yang dilaksanakan oleh Bahagian-Bahagian lain di JPS. Antara projek ini ialah :

1. Pembinaan lencongan utama Projek Barat Laut Selangor.
2. Kerja menaikkan taraf kemudahan di Projek Seberang Perak dan Krian-Sg. Manik, Perak.

### B.3 Unit Geoteknik

#### Keja-kerja Memperbaiki Runtuhan Tebing Bukit Berhampiran Pejabat IPGRI, Jabatan Pertanian, Serdang, Selangor

Unit ini telah menyiapkan rekabentuk kerja menstabilkan tebing bukit yang runtuh. Cadangan kerja ini terdiri daripada satu struktur gabion bersaiz 2.5 m tinggi, 2.5 m lebar serta panjangnya 24m. Di samping itu, pembaikan sistem pengaliran air dan penanaman rumput juga turut dilaksanakan. Kerja

### Other Works

*The Unit has developed a digital document management system. In 2004 further improvement works was carried out for the two existing sub-systems namely the e-PLAN (Electronic Plan Management System On-line) and e-PHOTO (Digital Picture Management System On-Line). Development of two new sub-systems was completed. These are: e-InfoTECH (Electronic Technical Document Management System On-Line) and e-DesignFILE (Electronic Design File Management System). Six officers were trained to use the system.*

*Apart from that, for the CAD system, upgrading works and in-house training were carried out to ensure production of uniform and good quality engineering plans.*

### B.2 Structure Unit

*The Structure Units redesigned the Dam and Ponds at the Freshwater Fish Research Centre, Gelami Lemi, Negeri Sembilan. This is to accommodate several new requirements of the centre.*

*The Unit also monitored the concrete cracking problem of the spillway structure at Batu Dam, Kuala Lumpur. Based on the results obtained, specific repair works were recommended. All these works were completed in 2004. The Unit also reviewed the planning and design proposal of several new projects implemented by DID. Among the projects are:*

1. Construction of main canal diversion in the North West Selangor Irrigation Scheme, Selangor
2. Upgrading work of facilities at Seberang Perak Irrigation Scheme and Krian-Sg. Manik Irrigation Scheme, Perak.

### B.3 Geotechnical Unit

#### Slope repair works at IPGRI office, Agriculture Department, Serdang, Selangor

*The Unit has completed a design to stabilize the failed hill slope. Recommendations include construction of a gabion structure 2.5 m high, 2.5 m wide and 24m long, a drainage system and grass cover. The repair works was completed in November 2004.*

#### Problems of structure cracks in houses along Sg. Keroh, Kampung Baru Ulu Kepong, Selangor

*Cracks began appearing in houses along the river during the L-shaped unit installation. These were immediately monitored and a revised installation method introduced. These works were completed at the end of 2004 without further cracking problems.*

#### River bund failure at Sungai Bernam, Sg. Besar, Selangor

*A 90m section of the river bund at Sg. Bernam collapsed and the design for restoration work prepared. This proposal was submitted to DID Sabak Bernam for implementation.*



pembaikan telah siap pada pertengahan bulan November 2004.

#### **Masalah Keretakan Rumah-rumah di Tebing Sg Keroh, Kampung Baru Ulu Kepong, Selangor**

Keretakan rumah di tepi Sungai Kerayong adalah disebabkan oleh kerja-kerja pembinaan dinding L-unit. Hasil pemantauan keretakan unit ini telah mencadangkan kaedah baru bagi pemasangan L-unit. Kerja-kerja berkaitan telah siap pada akhir 2004.

#### **Kerja-Kerja Pembaikan Ban Yang Pecah Di Sungai Bernam, Sg. Besar, Selangor**

Ban sepanjang 90m di Sg. Bernam telah runtuh dan Unit ini telah menyiapkan rekabentuk kerja pembaikan. Cadangan itu telah dihantar ke JPS Sabak Bernam untuk dilaksanakan.

#### **Kerja Pembaikan Runtuhan T-Wall di Sungai Bentong Berhampiran Majlis Daerah Bentong, Pahang**

Unit ini telah menyiapkan rekabentuk kerja pembaikan menggunakan *reinforced earth-keystone wall* serta sistem perlindungan dasar tebing Sungai Bentong berhampiran dengan Majlis Daerah Bentong. Cadangan ini telah dihantar kepada JPS Bentong dan kerja pembinaan dijangka akan bermula pada Mac 2005.

### **B.4 Unit Bangunan dan Agro-Tourism**

Sepanjang tahun 2004, Unit Bangunan dan Agro-Tourism telah menyelaras dan menguruskan beberapa projek untuk jabatan/agensi di bawah Kementerian Pertanian dan Industri Asas Tani. Antara projek yang dilaksanakan untuk Jabatan Perkhidmatan Haiwan Malaysia ialah pembinaan Kompleks Pusat Latihan Ternakan Ayam di Ramuan China Besar, Alor Gajah, Melaka dan Makmal Veterinar di Seberang Perai Tengah, Pulau Pinang.

Kompleks Pusat Latihan Ternakan Ayam ini dibina di atas tanah seluas 30 ekar dan dilaksanakan dalam dua fasa. Fasa I berjumlah RM20.9 juta dan melibatkan pembinaan bangunan pentadbiran, kemudahan latihan, rumah kakitangan, reban-reban, loji memproses ayam dan baja kompos. Pembinaan bermula pada September 2004 dan dijangka siap dalam tempoh satu setengah tahun. Fasa ke II pula dianggarkan kos RM10 juta dan masih di peringkat perancangan.

Projek Makmal Veterinar juga akan dilaksanakan dalam dua fasa. Fasa I yang bernilai RM9 juta merangkumi pembinaan makmal, rumah-rumah kediaman serta Pusat Sumber dan Informasi Unggas. Projek ini mula pembinaan pada April 2004 dan dijangka siap dalam pada Oktober 2005.

Unit ini juga telah menyiapkan rekabentuk surau di Pusat Latihan Mekanikal, Ipoh. Kos projek ialah RM200,000 dan kerja pembinaan akan bermula pada 2005.

### **B.6 Unit Empangan**

Dalam tahun 2004 kerja-kerja pengawasan (pemantauan dan pemeriksaan) keselamatan empangan diteruskan seperti berikut:-

#### **Restoration Work for Collapsed T-Wall at Sg. Bentong near Bentong District Council, Pahang**

*This Unit prepared a design 'reinforced earth-keystone wall' and slope protection works for Sungai Bentong after the T-Wall collapsed near Bentong District Council. This proposal was submitted to DID Bentong and construction work is expected to begin in March 2005.*



### **B.4 Building and Agro Tourism Unit**

*Throughout 2004, the Building and Agro Tourism Unit coordinated and managed several projects for department/agencies under Ministry of Agriculture and Agro-Based Industry. Among the projects implemented for the Veterinary Services Department were the construction of Poultry Rearing Training Centre Complex at Ramuan China Besar, Alor Gajah, Melaka and the Veterinary Laboratory at Seberang Perai Tengah, Pulau Pinang.*

*The Poultry Rearing Training Centre Complex is on a 30 acre land and implemented in two phases. Phase 1 totalling RM20.9 million and involved the construction of administrative building, training facilities, staff quarters, chicken coops, chicken processing facilities and compost fertilizer plant. The construction began in September 2004 and expected to be ready in 2007. The estimated cost for second phase was RM10.0 million and is still in the planning stage.*

*The Veterinary Laboratory Project was implemented in two phases. Phase 1 valued at RM9 million comprise a laboratory, quarters, resource centre, and parasite information centre. Construction began in April 2004 and expected to be ready in October 2005.*

*The Unit has also completed the design for a surau at the Mechanical Training Centre, Ipoh. The cost of the project was RM200,000 and construction work will start in 2005.*

### **B.5 Dam Unit**

*Dam safety surveillance (monitoring and inspection) works in 2004 covered:*

#### **1. Trend Monitoring**

*The instrumentation data trend monitoring for all fourteen DID dams continued. Several irregularities in data were detected such as for Macap Dam and Bukit Kwong Dam. More*



## Pengawasan Empangan

1. Pemantauan Trend  
Kerja-kerja pemantauan trend data-data instrumentasi untuk kesemua empat belas buah empangan JPS diteruskan. Beberapa empangan telah didapati mempunyai kejanggalan data yang dapat dikesan seperti Empangan Macap dan Empangan Bukit Kwong. Usaha juga sedang dibuat untuk menghasilkan laporan bulanan yang lebih komprehensif berhubung pemantauan trend data-data instrumentasi.
2. Kajian Trend Kehilangan Turus Empangan  
Kajian trend kehilangan turus untuk 14 buah empangan telah pun siap.
3. Sistem Automasi (DAS)  
Kerja-kerja penyenggaraan ke atas DAS telah dilakukan dalam tempoh ini bertujuan untuk memastikan DAS berfungsi dengan lancar. Lapan daripada sembilan buah empangan telah membuat pengubahsuaian *stilling well* untuk memastikan data aras air empangan tidak melibatkan ralat yang besar. Perisian DAS untuk empangan Repas telah siap pada tahun ini dan pemasangan di tapak akan dilaksanakan pada tahun 2005.
4. Pemeriksaan Keselamatan  
Kerja-kerja pemerhatian secara ringkas keadaan tapak empangan mula dilakukan dalam tempoh ini bersama dengan kerja-kerja penyenggaraan DAS.
5. Kerja-kerja Fingerprinting  
Kerja-kerja telah diteruskan untuk meliputi lima buah lagi empangan iaitu, Empangan Padang Saga, Timah Tasoh, Bekok, Pontian dan Beris.

## C. PROJEK-PROJEK LAIN

### C.1 Sistem Maklumat Geografi (DamGIS)

Data-data atribut untuk lima lapisan ciri-ciri (*features*) mula disediakan untuk sistem JPSGIS dalam tempoh ini.

### C.2 Sistem Remote Sensing

Keperluan perisian dan peralatan telah diperolehi dan akan disusuli dengan latihan '*hands-on*' bersama pihak MACRES dan juga kerja lapangan di tapak-tapak yang dipilih.

*comprehensive monthly reports were produced for better and reliable instrumentation data trend monitoring.*

2. Study on Dam Head Loss Trend  
*Study on hydraulic head losses for all the 14 dams were completed in 2004.*
3. Data Automation System (DAS)  
*The DAS maintenance system is to ensure the DAS functions smoothly. The stilling wells of eight out of nine dams were redesigned to ensure reduced errors in reading dam water levels. DAS Software for Repas Dam was completed this year and will be installed in 2005.*
4. Safety Checks  
*Visual inspections of dams were carried out during the maintenance works of DAS.*
5. Fingerprinting Works  
*Work on five more dams continued. The dams are Empangan Padang Saga, Timah-Tasoh, Bekok, Pontian and Beris.*


## C. OTHER PROJECTS

### C.1 Dam Geographical Information System (DamGIS)

*Works to key-in attribute data for five layers of dam features started in 2004 and is still on-going.*

### C.2 Remote Sensing System


*The necessary software and accessories were procured. A 'hands-on' training in collaboration with MACRES and field work at selected sites is being planned.*



**Pengarah / Director**



**En. Abdull Manaf bin Hj. Hashim**  
**September 2001 – Julai 2004**



**Fadzillah bt. Abd. Samad**  
**Julai 2004 – kini / present**

**A. PANDANGAN KESELURUHAN**

Peranan utama Bahagian ini ialah memberi perkhidmatan kepakaran Ukur Bahan kepada semua Bahagian, JPS Negeri dan Pejabat Projek untuk memastikan semua projek:-

- Dilaksanakan dengan efektif, efisien dan teratur selaras dengan prosedur dan dasar kerajaan
- Mencapai kos yang optimum dan memperolehi nilai setimpal
- Memenuhi ciri-ciri akauntabiliti awam yang diamanahkan kepada Jabatan

**Fungsi Semasa**

- Melaksanakan audit-teknik terhadap dokumen dan perakuan yang berkaitan dengan perolehan dan kontrak (Kerja, Bekalan dan Perkhidmatan)
- Memberi khidmat nasihat mengenai pengurusan perolehan dan pentadbiran kontrak
- Merumus prosedur dan menyediakan garis panduan pengurusan perolehan dan pentadbiran kontrak
- Memberi perkhidmatan maklumat kos bagi tujuan penyediaan anggaran, rundingan harga dan perubahan kerja
- Menyelesai tuntutan dan pertikaian, termasuk Litigasi dan Timbangtara
- menjadi Urusetia bagi:
  - i) Jawatankuasa Pembukaan Tender
  - ii) Jawatankuasa Penilaian Tender
  - iii) Jawatankuasa Sebutharga
  - iv) Jawatankuasa Pemilihan dan Perlantikan
  - v) Jawatankuasa Perubahan Kerja
  - vi) Jawatankuasa Pengukuran Semula Kuantiti Sementara
  - vii) Jawatankuasa Tuntutan
  - viii) Jawatankuasa Penyeragaman Dokumentasi
  - ix) Tender dan Kontrak
- Membangun Sistem Pengkomputeran untuk memberi tahap kerja yang lebih efektif.
- Menggunakan prinsip-prinsip program kualiti bagi memastikan hasil kerja dapat memberi kepuasan hati pelanggan.

**A. OVERVIEW**

*The main role of this Division is to provide specialist quantity surveying services to all Divisions, States DID and Project Offices to ensure all the projects:*

- *are implemented effectively, efficiently and in an organised manner and conforming to Government policies and procedures.*
- *achieve optimum cost and of fair value.*
- *fulfil public accountability.*

**Current Function**

- *Implements technical audit on documentation and acceptance related to procurement and contract (Works, Supplies and Services)*
- *Provides advisory services on procurement management and contract administration*
- *Formulates procedures and provide guidelines on procurement management and contract administration*
- *Provides cost information services for preparation of estimates, price negotiations and works variation*
- *Resolves claims and conflicts including litigation and arbitration.*
- *Secretariat for;*
  - i. *Tender Opening Committee*
  - ii. *Tender Evaluation Committee*
  - iii. *Quotation Committee*
  - iv. *Selection and Appointment Committee*
  - v. *Works Variation Order Committee*
  - vi. *Interim Quantities Remeasurement Committee*
  - vii. *Claims Committee*
  - viii. *Uniform Documentation Committee*
  - ix. *Tenders and Contracts*
- *Develop Computerised System for more effective work level*
- *Applications of quality programs and principles to ensure the work output meet clients' satisfaction.*

## B. AKTIVITI

### B.1 Projek-projek

Bilangan dan nilai projek mengikut Program Bahagian di bawah perkhidmatan pos kontrak Bahagian Ukur Bahan adalah seperti berikut:

## B. ACTIVITIES

### B.1 Projects

The number and project values of programs by Divisions under Quantity Surveying Division post contract services are as follows:

| No                    | Program Bahagian<br><i>Division Programs</i>                                                      | Jumlah Projek<br><i>No. of Project</i> | Jumlah Harga Kontrak<br><i>Total Contract Price (RM)</i> |
|-----------------------|---------------------------------------------------------------------------------------------------|----------------------------------------|----------------------------------------------------------|
| 1                     | Bahagian Kejuruteraan Pantai<br><i>Coastal Engineering Division</i>                               | 22                                     | 119,381,459.66                                           |
| 2                     | Bahagian Kejuruteraan Sungai<br><i>River Engineering Division</i>                                 | 33                                     | 398,436,399.20                                           |
| 3                     | Bahagian Khidmat Pakar<br><i>Specialist Services Division</i>                                     | 6                                      | 16,973,912.05                                            |
| 4                     | Bahagian Hidrologi & Sumber Air<br><i>Hydrology &amp; Water Resources Division</i>                | 1                                      | 1,088,339.00                                             |
| 5                     | Bahagian Pengairan dan Saliran Pertanian<br><i>Irrigation &amp; Agriculture Drainage Division</i> | 55                                     | 456,412,944.23                                           |
| 6                     | Bahagian Perkhidmatan Mekanikal<br><i>Mechanical Services Division</i>                            | 4                                      | 15,137,105.41                                            |
| 7                     | Bahagian Saliran dan Tebatan Banjir<br><i>Drainage and Flood Mitigation Division</i>              | 67                                     | 4,155,203,419.44                                         |
| 8                     | Bahagian Pembangunan Sumber Manusia<br><i>Human Resource Development Division</i>                 | 1                                      | 1,961,366.20                                             |
| <b>JUMLAH / TOTAL</b> |                                                                                                   | <b>189</b>                             | <b>5,164,594,945.19</b>                                  |

[Nota: Pos Kontrak bermaksud Kontrak-kontrak kerja yang sedang berjalan sehingga pengeluaran Akaun Muktimad]  
[Note: Post Contract means contracts under implementation and effective until final account released]

### B.2 Kontrak-kontrak

Sebanyak 19 kontrak yang berjumlah RM2,037,715,561.81 telah ditandatangani sepanjang tahun ini.

### B.2 Contracts

A total of 19 contracts totalling RM2, 037,715,561.81 were signed this year.

### B.3 Anugerah Kualiti Ketua Pengarah

Tahun 2004 merupakan tahun yang bertuah bagi Bahagian ini kerana berjaya mendapat anugerah tertinggi Jabatan iaitu menjadi Johan Anugerah Kualiti Ketua Pengarah Jabatan Pengairan dan Saliran Malaysia.

### B.3 Director General Quality Award

Year 2004 has been most meaningful for this Division for winning the Director General DID Quality Award; the highest award at Departmental level.

### B.4 Sistem Aplikasi


Bahagian ini telah membangunkan 13 sistem aplikasi untuk membantu tugas harian Bahagian secara khusus dan juga Jabatan pada amnya. Sistem-sistem tersebut adalah seperti berikut:

1. SMATKOS – Sistem Maklumat Kos (on-line)
2. Pakej Penilaian Tender
3. Sistem Pembangunan Sumber Manusia (on-line)
4. SMATRAK - Sistem Maklumat Kontrak (on-line)
5. IKLAN – Iklan Tender JPS (on-line)
6. AWAS – Sistem Pengawasan Tender (on-line)
7. SMAP – Sistem Maklumat Perunding (on-line)



8. Garispanduan Tatacara Perolehan (Web Based Flow Chart)
9. Sistem Sebutharga
10. Profail Kontraktor (on-line)
11. Sistem Fail dan Dokumen Kontrak (on-line)
12. Pengkomputeran (on-line)

Sistem-sistem secara *on line* yang dibangunkan sendiri oleh kakitangan Bahagian ini boleh dicapai melalui Laman Web Bahagian Ukur Bahan.



Bahagian Ukur Bahan juga telah menjadi **Johan Anugerah Teknologi Maklumat Ketua Pengarah Jabatan Pengairan dan Saliran Malaysia**.

Manakala Sistem Maklumat Perunding pula memperolehi tempat kedua dalam Pertandingan Inovasi Peringkat Jabatan bagi Kategori Bukan Teknikal pada tahun 2004.

#### **B.4 Application Systems**

*This Division developed 13 application systems specifically to facilitate the Division's and the Department's routine works. The systems are as follows:*

1. SMATKOS – Cost Information System (on-line)
2. Tender Evaluation Package
3. Human Resource Development System (on-line)
4. SMATRAK – Contract Information System (on-line)
5. IKLAN- DID Tender Advertisements (on-line)
6. AWAS – Tender Monitoring System (on-line)
7. SMAP – Consultant Information System
8. Procurement Procedure Guidelines (Web based flow chart)
9. Quotation System
10. Contractor Profile (on-line)
11. Filing System and Contract Documentation (on-line)
12. Computerization (on-line)

*These on-line systems were developed in-house by the Division Staffs and are accessible via the Quantity Surveying Division Website.*

*This Division was also the winner of the Director General DID Information Technology Award Champion. Its Consultant Information System won second place in the Innovation Competition at Departmental level for the Non-Technical Category for 2004.*



Pengarah / Director



Rozaini bt. Abdullah


## A. PANDANGAN KESELURUHAN

Perpindahan JPS daripada Kementerian Pertanian kepada Kementerian Sumber Asli dan Alam Sekitar melibatkan pertukaran *domain name*, pertukaran akses LAN dan WAN serta pemindahan pelayan kepada *sub-domain* baru.

## B. AKTIVITI-AKTIVITI

### B.1 Rangkaian

- o Rangkaian di JPS Ibu Pejabat telah diubah dari rangkaian Agrolink untuk sambungan ke Internet dan kini dirangkaikan melalui GITN sebagai *Internet Service Provider*.
- o Rangkaian di JPS Wilayah Persekutuan dipindah dari rangkaian Agrolink dan kini dirangkaikan dengan kabel gentian-optik terus ke Ibu Pejabat JPS dan dengan itu, berada dalam LAN yang sama dengan Ibu Pejabat.
- o Rangkaian di JPS Ampang disambung ke Internet melalui GITN dengan 1MB *lease line* berbanding dengan sebelumnya iaitu 256 kbps.
- o Gambar rajah WAN bagi JPS adalah seperti berikut :



### B.2 Pendaftaran Domain Baru dan Pemindahan Sub-Domain Server

#### Nama Domain

Domain Utama

- Agrolink Kementerian Pertanian = moa.my
- Domain baru = water.gov.my

Domain Sub

- nama\_server.water.gov.my

#### Server

Beberapa server baru dibangunkan dan yang lama telah ditukarkan nama.

## A. OVERVIEW

*Due to the transfer of DID from the Ministry of Agriculture and Agro-Based Industry to the Ministry of Natural Resources and Environment, the IT system were changed accordingly with respect to Domain Name, access to LAN and WAN and server transfer to new sub-domain.*

## B. ACTIVITIES

### B.1 Networking

- *The Networking at DID HQ was changed from the Agrolink Network for internet access via GITN as the Internet Service Provider.*
- *DID Wilayah Persekutuan network was transferred from Agrolink network and is now linked by fibre-optic cable direct to DID headquarters. As a result, the DID Wilayah Persekutuan is now in the same LAN as the headquarters.*
- *The DID Ampang network is now connected to the internet via GITN with 1MB leased line compared to just 256 kbps previously.*
- *The WAN Network diagram for DID is as shown:*

### B.2 New Domain Registration and Sub-Domain Server Transfer

#### Domain Name

Main Domain

- *Ministry of Agriculture Agrolink = moa.my*
- *New Domain=water.gov.my*

Sub Domain

- *name\_server.water.gov.my*

#### Server

*Several new servers were developed and new names have replaced previous one*

#### Web

URL Baru / New URL  
<http://www.water.gov.my>

#### URL Lama

Internet (Statik / *Static*)- <http://agrolink.moa.my/did>  
Internet (Dinamik / *Dinamic*) - <http://didweb.moa.my>

Intranet - <http://jpsbit.moa.my>

#### Emel

URL Baru  
<http://mail.water.gov.my>

URL Lama  
<http://did.moa.my>

#### GIS

URL Baru  
<http://gis.water.gov.my>

URL Lama  
<http://jpsgis.moa.my>

#### Flood Info

URL Baru  
<http://infobanjir.water.gov.my>

URL Lama  
<http://infobanjir.moa.my>

#### ePlan

URL Baru  
<http://eplan.water.gov.my>

URL Lama  
<http://eplan.moa.my>

#### RBIS

URL Baru  
<http://rbis.water.gov.my>

URL Lama  
<http://rbis.moa.my>

#### Perpustakaan

URL Baru  
<http://library.water.gov.my>

URL Lama  
<http://jpslib.moa.my>

#### Aduan Awam

URL Baru  
<http://aduan.water.gov.my>

#### Pemantauan Empangan

URL Baru  
<http://dams.water.gov.my>

### B.3 E-mel

Alamat akaun pengguna email ditukar konfigurasi dari @did.moa.my kepada @water.gov.my.

### B.3 E-Mail

User e-mail accounts configurations were changed from @did.moa.my to @ water.gov.my

### B.4 Web

Alamat URL laman web JPS telah ditukar dari <http://agrolink.moa.my/did> kepada <http://www.water.gov.my>. Dengan pertukaran alamat ini, laman web JPS dipindah dan dikemaskini oleh Pegawai Maklumat dan webmaster di semua pejabat Bahagian Ibu Pejabat JPS, JPS Negeri dan Pejabat Projek JPS.

### B.4 Web

The URL address DID website was changed from <http://agrolink.moa.my/did> to <http://www.water.gov.my>. With the change of address, DID websites were transferred and updated by all Information Officers and Webmasters at all Divisions of DID HQ, State DID and DID Project offices.

Dalam pertandingan Laman Web peringkat Kementerian Sumber Asli dan Alam Sekitar yang julung-julung kali diadakan dan disertai oleh semua jabatan dan agensi di bawah NRE, JPS telah menjadi Naib Johan.

DID emerged runners-up in the first website Competition at the Ministry of Natural Resources and Environment (NRE). This competition was participated by all departments under NRE.

### B.5 GIS

JPS sebagai ahli dalam Kumpulan Kerja ke 4 (Tanah dan GIS) *Data Dictionary* Sektor Awam telah memberi sumbangan dalam bidang hidrografi, sungai dan pantai ke arah menghasilkan satu *standard data dictionary* selaras dengan Malaysian Standard MS 1759:2004 yang dikeluarkan oleh SIRIM.



### B.6 Pembangunan Sistem Aplikasi

#### Sistem i-INVENTORI

Sistem yang berasaskan web dibangunkan secara dalaman untuk memantau serta menyimpan maklumat aset ICT di setiap pejabat JPS di Ibu Pejabat, Negeri dan pejabat Projek. Latihan bagi penggunaan sistem ini telah diadakan pada bulan Februari 2004. Sejak itu proses pengemaskinian data dilakukan melalui internet dari semasa ke semasa oleh setiap wakil bahagian/negeri/projek.

### B.5 GIS

DID as a member of Working Group 4 (Land and GIS) for the *Data Dictionary* for Public Sector contributed inputs for Hydrology, River and Coastal towards a single standard data dictionary as per Malaysian Standard MS 1759:2004 by SIRIM.

## B.7 Anugerah Teknologi Maklumat

Bagi tahun 2004, Anugerah Teknologi Maklumat Ketua Pengarah JPS Malaysia (ATMKPJPS) telah dipertandingkan di peringkat pejabat Bahagian Ibu Pejabat JPS Malaysia.

Pada tahun ini, Pertandingan ATMKPJPS dan Pertandingan Anugerah Kualiti Ketua Pengarah JPS Malaysia (AKKP) dipertandingkan serentak di peringkat pejabat Bahagian Ibu Pejabat JPS Malaysia. Ini sebagai persiapan untuk penyertaan JPS dalam pertandingan Anugerah Kualiti Sektor Awam (AKSA) akan datang. Panel Pemeriksa dan Panel Hakim ATMKPJPS telah membuat penilaian dan pemarkahan dalam aspek-aspek ICT (ICT keseluruhannya, Sistem Aplikasi dan Web) untuk menentukan pemenang ATMKPJPS. Markah ini pula diguna dengan *weightage* tertentu untuk pengiraan dalam penilaian AQKP.

### Keputusan ATMKPJPS 2004:

JOHAN : Bahagian Ukur Bahan


NAIB JOHAN : Bhg Pengairan dan Saliran Pertanian



## B.6 Applications Systems Development

### *i-INVENTORI System*

*This web-based system was developed in-house to record and monitor ICT assets issued to all Divisions in DID HQ, State DID and DID Project offices. The training on the system use was held February 2004. Since then the data updating processes were performed on-line by representatives from Divisions in DID HQ, DID State and Project offices.*



## B.7 Information Technology Award

